



**Kenali  
Negara  
Kitani**

**KNK**  
Negara Brunei Darussalam

# KOMPILASI RENCANA KNK 2014

**Terbitan:**  
Unit Penerbitan Melayu  
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

**Cetakan Pertama 2018**

**Penyelaras:**  
Hajah Rosidah binti Haji Ismail

**Taip Set/Kompilasi/Susunan:**  
Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir

**Reka Letak/Kulit luar:**  
Syahi bin Haji Ludin

**Penyemak:**  
Ramlah binti Md.Nor  
Norhafilah binti Rosli



J  
a  
n  
u  
a  
r  
i

# Mukim Seria hadapi kemajuan

Oleh: Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor dengan  
kerjasama Cawangan Penerangan Daerah Belait  
Foto: Hasanul Hidayat Haji Abu Bakar

*11 Januari 2014*



***PERUMAHAN -PERUMAHAN yang disediakan oleh kerajaan bagi penduduk Mukim Seria menaikkan taraf kehidupan rakyat dan penduduk mukim berkenaan.***

MUKIM Seria, Daerah Belait mengandungi tujuh buah kampung iaitu Kampung Baru (dulu dikenali sebagai Kampung Badas), Sungai Bera, Kampung Pekan Seria (dulu dikenali sebagai Kampung Cina), Pekan Seria kawasan 1 dan Kampung Pekan Seria kawasan 2, Kampung Lorong Tiga Seria (Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Seria), Kampung Lorong Tengah dan Selatan (Perumahan Baru Lorong Tengah Seria), Kampung Panaga A,B dan C (Perumahan 2000) dan Kampung Masjid.

Lebih 27 ribu orang penduduk yang menetap di Mukim Seria. Jumlah ini bertambah dari setahun ke setahun dan ini tidak termasuk penduduk-penduduk dari Perumahan Kampung Panaga (Perumahan 2000) dan Perumahan Lorong Tengah Seria.

Mukim Seria mempunyai seramai lebih 1,000 warga emas yang direkodkan berhak mendapat pencen tua setiap bulan dan majoritinya berbangsa Melayu dan Cina.



**TUGU Satu Billion Tong (One Billionth Barrel Monument) menjadi tumpuan pengunjung dalam dan luar negeri yang terdapat di Mukim Seria.**

Kampung Lorong Tiga Seria adalah perpindahan yang pertama bagi Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) di Mukim Seria. Manakala perpindahan baru adalah Kampung Panaga, iaitu Perumahan 2000 dan yang terbaru adalah perumahan yang terletak tidak jauh dengan lebuhraya, iaitu Perumahan Baru Lorong Tengah Seria.

Seperti daerah-daerah lain, Mukim Seria juga mempunyai tempat-tempat yang menarik dan mampu menjadi tarikan kunjungan pelancong dan orang ramai seperti Tugu Satu Billion Tong (One Billionth Barrel Monument), Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC), Pantai Seria, Taman Sultan Omar ‘Ali Saifuddien (Kampung Pekan Seria Kawasan 1 yang baru dibuka kepada orang ramai), Taman Jubli (Kampung Pekan Seria kawasan 1 dan Kolam Panaga (Kampung Pekan Seria kawasan 2) bagi racing boat.



*PUSAT Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) salah satu tempat yang menarik.*

Semasa Program Sua Muka (Personal Contact) yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri bagi Daerah Belait bersama Penghulu Mukim Seria, Awang Haji Jamail bin Linap di Pejabat Penghulu Mukim Seria, Dewan Pusat Insani Seria antara lain penghulu mukim berkenaan menyatakan bahawa perkembangan-perkembangan yang terdapat di Mukim Seria pada masa kini adalah dalam tahap atau keadaan yang memuaskan dan tidak banyak isu mahupun masalah yang ingin dibangkitkan oleh beliau memandangkan keadaan Mukim Seria yang semakin bertambah maju.

Menurutnya, kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan tenaga elektrik, air, telefon dan jalan raya yang disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah pada tahap yang baik. Agensi swasta seperti Syarikat Minyak Shell Petroleum Sendirian Berhad, di samping pihak-pihak kerajaan yang berkenaan tidak ketinggalan dalam sama-sama memberikan dan menaik taraf kemudahan-kemudahan bagi keselesaan penduduk Mukim Seria khasnya.



*PARA remaja dan kanak-kanak diberikan kefahaman tentang peraturan dan undang-undang jalan raya bagi mewujudkan suasana jalan raya yang lebih selamat untuk semua, salah satu kemudahan yang terdapat di OGDC.*



*ROMBONGAN dari Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Belait semasa mengadakan Program Sua Muka bersama Penghulu Mukim Seria, Awang Haji Jamail bin Linap.*

Penduduk Mukim Seria juga hidup dengan aman, rukun dan damai walaupun terdapat pelbagai puak serta warga asing yang menetap di mukim berkenaan.

Antara kemudahan-kemudahan yang terdapat di Kampung Pekan Seria adalah seperti Masjid Pekan Seria, Pejabat Daerah Seria, Pusat Kesihatan Seria (TIBI), Klinik, sekolah kerajaan dan swasta, Loji Rawatan Air (JKR), Khutubkhanah, Plaza Seria (pusat membeli-belah), kedai-kedai dan pasaraya, Pusat Insani, Lapangan Terbang Anduki, Shell Aviation, Perindustrian Sungai Bera, Shell Training Centre, Sekolah Vokasional (Lorong 5), Padang Golf, Surau Minyak Shell Petroleum, Bomba Minyak Shell Petroleum dan Pusat Kesihatan Panaga.

Manakala di kawasan Kampung Lorong Tiga Seria kemudahan-kemudahan yang terdapat seperti masjid, perumahan, surau lama (yang masih boleh digunakan), sekolah, padang bola, Taman Kanak-kanak, barek kerajaan, Pusat Bowling dan Wayang serta Turkerline Battalion.

## **PRODUK**

Menyentuh mengenai produk kampung, Penghulu Mukim Seria menyatakan pada masa ini produk kampung bagi Pekan Seria 2, iaitu di Kampung Lorong Tiga menghasilkan sesagon beras; acar-acar buah dan barang-barang kraf tangan seperti rehal dan almari. Selain itu, ada di antara mereka yang menghasilkan produk makanan secara sampingan seperti kuih bahulu dan biskut.

## **PERSATUAN**

Di Mukim Seria juga mempunyai pelbagai persatuan yang terdiri daripada berbilang bangsa dan kaum seperti Persatuan Seni Warisan Gemilang; Persatuan Karatedo, Persatuan Kungfu, Persatuan Wushu, WI, Persatuan Pertiwi dan Persatuan India.

## **AKTIVITI KAMPUNG**

Terdapat beberapa aktiviti kampung yang telah dilaksanakan oleh Ahli Majlis Perundingan Mukim (MPM) dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) bagi Pekan Seria kawasan 2 dan Lorong 3, iaitu Makan Arwah Sekampung (setiap tahun), Majlis Khatam Al-Qur'an, bergotong-royong membersihkan perkuburan Islam, tadarus di bulan Ramadan, Fardu Kifayah bagi jemaah lelaki dan perempuan dan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri serta Takbir Raya dari rumah ke rumah.

Di samping itu Mukim Seria juga mengadakan aktiviti amal seperti memberi sumbangan derma bagi anak-anak yatim setiap tahun (inisiatif oleh MPM dan MPM Seria), karnival jualan, acara silat dan wushu, melancong sambil melawat ke Kuching dan negara-negara jiran (bagi ahli MPM dan MPK serta penduduk kampung yang ingin ikut serta).


Aktiviti-aktiviti yang pernah disertai ialah menyertai Pertandingan Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) pada tahun 2012 dan 2013, menyertai pertandingan tarik kalat dan mendapat kedudukan kedua dan ketiga, memenangi pingat emas dalam acara Pancak Silat bagi Sukan Daerah-Daerah serta menyertai World Series bagi acara wushu dan memenangi pingat emas pada tahun 2009.

# Makam di Luba jadi tarikan

Oleh: Haniza Abdul Latif

Foto: Md. Arif bin Morni

*25 Januari 2014*



**MAKAM Sultan Husin Kamaluddin ibnu Sultan Mohammad Ali, Sultan Brunei ke-16, atau lebih dikenali sebagai Makam di Luba yang terletak di Kampung Bunut Perpindahan.**

MAKAM Sultan Husin Kamaluddin ibnu Sultan Mohammad Ali atau lebih dikenali sebagai Makam di Luba terletak di Kampung Bunut Perpindahan, Mukim Kilanas, kira-kira lima minit perjalanan dari Jalan Tutong.

Dalam tinjauan wakil PELITA BRUNEI bersama Ketua Kampung Bunut Perpindahan, Awang Haji Adanan bin Haji Md. Salleh ketika Program Sua Muka Jabatan Penerangan dengan Majlis Perundingan Kampung Perpindahan Bunut antara lain menjelaskan makam ini digelar sebagai Makam di Luba kerana kedudukannya di Pulau Luba yang merupakan sebuah pulau yang memisahkan dua buah sungai iaitu Sungai Damuan dan Sungai Brunei.

Seperti Makam Sultan Bolkiah yang terletak di Kota Batu, Makam di Luba ini merupakan salah satu makam yang mudah untuk dikunjungi. Jelas Awang Haji Adanan lagi, jambatan yang dibina bagi memudahkan para pengunjung untuk melawat Makam di Luba ini juga sering menjadi tumpuan bagi kaki-kaki pancing. Selain itu katanya, kawasan paya di Pulau Luba ini juga menjadi tempat tinggal bagi salah satu spesis monyet yang dipanggil Monyet Belanda atau dalam bahasa Inggeris dipanggil sebagai Proboscis Monkey.



*PAPAN tanda Makam Sultan Husin Kamaluddin ibnu Sultan Mohammad Ali, Sultan Brunei ke-16.*



*ROMBONGAN dari Jabatan Penerangan bersama Ketua Kampung Bunut Perpindahan, Awang Haji Adanan bin Haji Md. Salleh (empat dari kiri).*

## SEJARAH

Mengikut sejarah Brunei, Sultan Husin Kamaluddin ibnu Sultan Mohammad Ali merupakan Sultan Brunei yang ke-16 dan merupakan anak kedua kepada Sultan Haji Mohammad Ali, Sultan Brunei yang ke-12. Semasa zaman pemerintahannya, negara makmur dan rezeki mudah diperolehi dan baginda juga telah mewujudkan wang pertama Brunei yang dikenali sebagai Pitis.



*JAMBATAN menuju ke Makam di Luba bagi memudahkan para pengunjung untuk melawat, di samping menjadi tumpuan bagi kaki-kaki pancing.*

Menurut sejarah lagi, semasa baginda mengambil alih takhta dari sepupunya, Sultan Nasruddin, usia baginda agak tua namun baginda dikenali sebagai seorang yang warak, adil dan berkeramat. Baginda juga merupakan satu-satunya sultan yang menaiki takhta sebanyak dua kali yang mana baginda telah memerintah dari tahun 1710 hingga 1730 dan kali kedua baginda mengambil alih semula takhta ialah pada tahun 1737 sehingga baginda mangkat pada 1740. Oleh sebab Sultan Husin bersemayam di Luba, baginda terkenal dengan nama ‘Marhum di Luba’.

Selain mempunyai tempat bersejarah yang boleh dijadikan tarikan pelancong, Kampung Bunut Perpindahan juga sebuah kampung yang aktif dalam banyak hal antaranya giat menjayakan acara berkebajikan, keagamaan dan sukan melalui Majlis Perundingan Kampung (MPK).

Kampung Bunut Perpindahan mempunyai keluasan lebih kurang 0.782 kilometer persegi di bawah Mukim Kilanas dan mengikut Laporan Awal Jabatan Perancangan dan Ekonomi (JPKE) bagi tahun 2011, kampung ini dihuni oleh kira-kira 1,709 penduduk yang terdiri dari 909 lelaki dan 800 perempuan.

Seperti kampung-kampung lain di negara ini, Kampung Bunut Perpindahan juga mempunyai kemudahan asas dan prasarana yang lainnya yang disediakan oleh kerajaan melalui beberapa kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan antaranya masjid, sekolah rendah dan pejabat pos.

F  
e  
b  
r  
u  
a  
r  
i

# Panorama indah Wasai Kampung Tasek Meradun

Oleh: Haji Aliddin bin Haji Moktal  
Foto: Muhammad Arif Morni

*08 Februari 2014*



***WASAI Air Terjun Tasek Meradun terletak di atas bukit mempunyai kawasan yang cantik dengan pemandangan yang indah.***

KAMPONG Tasek Meradun berpotensi menjadi tarikan pelancong dari dalam dan luar negeri dengan adanya wasai atau air terjun yang sudah wujud sekian lama di kampung tersebut namun kini masih belum dapat dimajukan disebalik usaha telah dijalankan beberapa tahun yang lalu.

Dalam tinjauan wakil PELITA BRUNEI bersama Ketua Kampung Tasek Meradun, Pengiran Haji Othman, ketika Program Sua Muka Jabatan Penerangan dengan Majlis Perundingan Kampung Tasek Meradun antara lain menjelaskan wasai yang terdapat di kampung itu ialah Wasai Terjun Tinggi yang mempunyai pemandangan panorama yang cantik jika suatu hari nanti dapat dimajukan sebagai tempat berkelah atau beriadah kerana lokasi yang amat menarik kerana terletak di atas bukit. Wasai air terjun Tasek Meradun ini terletak di atas bukit yang mempunyai kawasan yang cantik dengan terdapat pemandangan yang indah tetapi sayang masih belum dimajukan.

Jika suatu hari nanti wasai ini dapat dimajukan oleh agensi-agensi kerajaan dengan kerjasama Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Tasek Meradun setentunya akan dapat meningkatkan lagi perekonomian kampung tersebut selain itu Kampung Tasek Meradun akan lebih terkenal dengan wasainya yang indah dan cantik.

Wasai ini mempunyai air yang dingin serta sesuai dijadikan tempat berkelah yang menarik dan tempat bermandi-manda jika sekiranya ianya dapat di majukan bagi tujuan lokasi pelancongan.



***ROMBONGAN dari Jabatan Penerangan semasa bergambar ramai dalam sesi sua muka bersama Ketua Kampung Tasek Meradun.***

Untuk mencapai dan menyaksikan keindahan wasai Tasek Meradun ini para pengunjung dan pelawat terpaksa berjalan kaki kira-kira 20 minit untuk menuju ke wasai tersebut.

Apa yang menarik sejauh ini wasai tersebut telah digunakan oleh penduduk tempatan dan asing bagi menjalankan kegiatan berkelah, riadah dan bersantai walaupun wasai tersebut belum dilengkapi dengan kemudahan asas seperti laluan yang khusus, pondok, pembuangan sampah dan tandas awam.

Seandainya, semua pihak mencapai kata sepakat wasai yang ada boleh dijadikan tarikan pelancong dari dalam dan luar negeri selain dapat meningkatkan perekonomian penduduk kampung dan Kampung Tasek Meradun akan lebih maju dan terkenal hingga keluar negara.

## **SEJARAH KAMPUNG TASEK MERADUN**

Menurut Ketua Kampung Tasek Meradun, Pengiran Haji Othman, Sejarah Kampung Tasek Meradun ini adalah terdapatnya sebuah Tasek (Air Terjun) kira-kira setinggi 150 meter dengan keluasannya lapan meter dan tempat ini sering dan sentiasa di kunjungi oleh orang ramai untuk berkelah.

Mengikut cerita pada tahun 50an jelas Ketua Kampung, Tasek ini tempat orang mandi bertarak mencari kekuatan dan sihat badan yang diketuai (Penjaga Tasek tersebut) iaitu Beliau Bangok yang berasal dari Kampung Kilanas. Oleh kerana Beliau Bangok telah meninggal dunia maka anak-anak beliau dan keturunannya tidak sempat mengambil alih ilmu untuk menjaga tasek tersebut.

Di samping itu juga katanya, terdapat Sawang (Lubang) Harimau yang terletak dilereng bukit berdekatan dengan Tasek Meradun yang jauhnya kira-kira 300 meter.

Kawasan ini dipunyai oleh Awang Kamaruddin yang kononnya Awang Kamaruddin ini boleh menjadi-jadian mengikut kehendak hatinya. Beliau boleh menjelma menjadi orang, menjadi seekor harimau dan juga mempunyai kesaktian yang luar biasa. Isterinya bernama Dang Labai yang tinggal di sebuah bukit yang bernama Bukit Sinarubai yang terletaknya di Kampung Sinarubai.

Awang Kamaruddin ini kesukaannya menghadiri majlis perkahwinan, dia tidak kira siapa saja yang melangsungkan perkahwinan dengan tujuannya untuk melihat pengantin perempuan atau anak-anak dara yang menghadiri majlis tersebut dan jika dia berkenan maka akan diambilnya perempuan-perempuan tersebut untuk menjadi isterinya.

Jika ada pihak yang melawan dia akan mengambilnya dengan secara paksaan dan membunuhnya. Perkara ini tidak sesiapapun yang berani melawan ketika itu. Daripada hari itu, apabila ada sahaja majlis perkahwinan, pengantin perempuan dimestikan menutup muka dengan kain nipis supaya tidak dapat dilihat oleh lelaki dengan jelasnya.

Kampung Tasek Meradun dalam Mukim Kilanas dan di bawah pengawasan Ketua Kampung, Pengiran Haji Othman bin Pengiran Haji Sulaiman yang mana kampung tадahan beliau adalah Kampung Tasek Meradun dan Kampung Bunut yang mempunyai keluasan 96.27 Hekter dengan keramaian penduduknya 2,164 orang.

Kampung Tasek Meradun dan Kampung Bunut juga tidak ketinggalan mendapat perhatian dan kemudahan asas daripada pihak kerajaan termasuklah api elektrik, air, telefon, sekolah, klinik kesihatan, jalanraya dan sebagainya.

Kegiatan yang diungkayah oleh MPK Tasek Meradun berbentuk keagamaan, kemasyarakatan, kebajikan, sukan dan kebudayaan dengan Moto Kampung “ Bersatu Ke arah Kesejahteraan, Keamanan, Kemakmuran dan Pembangunan”.

# Penduduk Mukim Batu Apoi saling bersatupadu

Rencana dan Foto: Hezlinawati Haji Abd Karim

*22 Februari 2014*

HIDUP dalam masyarakat yang berbilang bangsa dan agama sememangnya bukan sesuatu yang mudah jika tidak ada kesefahaman dan saling hormat menghormati di kalangan mereka. Namun, Mukim Batu Apoi tetap aman dan menenangkan meskipun para penduduk di mukim tersebut hidup dengan pelbagai bangsa dan agama.

Mukim Batu Apoi, salah sebuah mukim dari lima mukim yang terdapat di Daerah Temburong mengandungi beberapa buah kampung iaitu Kampung Negalang Ering dan Kampung Negalang Unat, Kampung Lakiun, Kampung Batu Apoi termasuklah Kampung Luagan, Kampung Pelunam, Kampung Selilit, Kampung Gadong Baru, Kampung Sungai Dali dan Kampung Sungai Bantian; Kampung Selapon termasuklah Kampung Lamaling, Kampung Simbatang/Tenuyong dan Kampung Sungai Kutub Negalang dan Kampung Tanjung Bungar.

Dengan keluasan 22, 829 hektar, Mukim Batu Apoi mempunyai penduduk seribu tujuh ratus sembilan puluh enam orang (1,796) iaitu 950 lelaki dan 846 perempuan terdiri dari masyarakat melayu, murut, iban, cina, dusun dan lain-lain bangsa. Dari jumlah tersebut seramai 186 orang menerima pelbagai bentuk bantuan dari pihak kerajaan iaitu seramai 125 orang menerima Pencen Tua, 25 orang menerima bantuan dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), 9 orang menerima bantuan fakir miskin, 9 orang lagi menerima bantuan anak-anak yatim, 5 orang menerima bantuan saudara baru, 10 orang menerima bantuan Orang Cacat dan Kurang Upaya manakala 3 orang lagi menerima bantuan Orang Gila.

Mukim Batu Apoi dipimpin oleh seorang penghulu yang penuh dedikasi terhadap tugas dan tanggungjawabnya iaitu Orang Kaya Setia Ahmad bin Haji Lakim sejak tahun 1976. Bagi mengetahui perkembangan dan permasaalah yang dihadapi oleh para penduduk di mukim tersebut, serombongan pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri cawangan Daerah Temburong telah berdudun ke kediaman Orang Kaya Setia Ahmad yang terletak di Kampung Negalang Ering di bawah Program Sua Muka.

## **KEMUDAHAN ASAS**

Semasa kunjungan tersebut, Orang Kaya Setia Ahmad menjelaskan Mukim Batu Apoi menerima kemudahan-kemudahan asas yang diberikan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti bekalan air, bekalan tenaga elektrik mahupun telefon dan jalanraya.

Bagaimanapun jalan masuk menuju ke Kampong Peliunan dan Kampong Luagan adalah terlalu kecil hingga menyukarkan kenderaan Bomba dan Penyelamat untuk masuk ke kampung-kampung berkenaan sekiranya berlaku kejadian kebakaran. Selain itu perkhidmatan telefon bimbit DST dan B-Mobile di beberapa kawasan terutama di Kampung Selapon langsung tidak dapat menerima perkhidmatan tersebut begitu juga sebahagian kawasan di Kampung Batu Apoi.

Juga terdapat di mukim tersebut ialah tiga buah sekolah iaitu Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi yang merupakan salah sebuah sekolah contoh di daerah ini, Sekolah Rendah Selapon dan Sekolah Rendah Negalang. Selain itu Mukim Batu Apoi juga mempunyai sebuah stesen minyak di Kampung Negalang dan sebuah masjid di Kampung Batu Apoi. Bagi kemudahan para penduduk mukim untuk mengadakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Daerah Temburong telah membina sebuah Balai Raya di Kampung Batu Apoi dan sebuah lagi di Kampung Selapon.

Sementara itu bagi melaksanakan aktiviti kesukanan pula, sebuah kompleks sukan iaitu Kompleks Sukan Temburong telah dibina di Mukim Batu Apoi yang terletak di Kampung Batu Apoi. Kompleks yang digunakan secara percuma itu banyak memberikan kelebihan kepada penduduk mukim dan seluruh penduduk di Daerah Temburong.



***ROMBONGAN dari Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Temburong ketika mengadakan program Sua Muka bersama Penghulu Mukim Batu Apoi, berlangsung di kediaman Penghulu.***

## **TEMPAT-TEMPAT MENARIK**

Sepertimana di tempat-tempat lain, Mukim Batu Apoi juga mempunyai tempat menarik dan mampu menjadi tarikan pelancong dan orang ramai untuk beriadah. Menurut Orang Kaya Setia Ahmad, salah satu daripada tempat yang menarik di mukim tersebut ialah Taman Aie Tenap yang terletak di Kuala Sungai Selapon, Kampung Selapon. Taman tersebut ujarnya ditemui dan diusahakan lebih 10 tahun lalu tanpa adanya peruntukan khusus dengan hanya diusahakan setakat yang termampu oleh para penduduk setempat. Kini, pondok-pondok rehat telah didirikan bagi memudahkan para pengunjung beriadah bersama keluarga selain disediakan kemudahan tempat barbeku.

Sebuah lagi tempat yang tidak kurang menariknya ialah Wasai Rampadih, juga terletak di Ulu Sungai Selapon. Meskipun tempat beriadah itu dikelilingi dengan keindahan alam semula jadi serta air terjun yang amat menarik namun wasai tersebut sangat sukar untuk dituju dengan terpaksa melalui perjalanan selama lebih kurang dua jam dari Taman Aie Tenap menjadikannya sukar untuk dimajukan dan dikunjungi.



***PEMEROSESAN ambulong MPK Batu Apoi di bawah projek 1K1P sering menerima kunjungan dan mendapat sambutan menggalakkan dari orang ramai.***

## **1K1P**

Menyentuh mengenai 1 Kampung 1 Produk (1K1P), Orang Kaya Setia Ahmad menjelaskan beberapa buah kampung di Mukim Batu Apoi telah mengendalikan projek berkenaan iaitu Majlis Perundingan Kampung Batu Apoi yang sememangnya terkenal dengan pemerosesan ambulong. Ambulong MPK Batu Apoi sememangnya mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai dan MPK Batu Apoi sering menerima kunjungan pelawat terutamanya dari luar daerah bagi menyaksikan pemerosesan ambulong. Sementara itu MPK Tanjung Bungar pula mengendalikan produk-produk kraftangan.

## **AKTIVITI PENDUDUK MUKIM**

Para penduduk Mukim Batu Apoi juga terlibat aktif dengan beberapa aktiviti yang dikendalikan di mukim berkenaan. Menurut Orang Kaya Setia Ahmad, hasil kesepakatan para penduduk Kampong Negalang, mereka telah membina jambatan penurunan perahu secara bergotong royong selain sering kali mengadakan majlis-majlis bertahlil dan membersihkan tanah perkuburan semasa bulan Ramadan.

## **PENEMPATAN PASUKAN TENTERA REPUBLIK SINGAPURA**

Menyentuh mengenai penempatan anggota Pasukan Tentera Republik Singapura di Kampung Lakiun pula beliau menjelaskan penempatan mereka tidak menimbulkan sebarang masaalah di kalangan penduduk setempat. Sehingga kini, seramai lebih 70 anggota Pasukan Tentera Republik Singapura bertugas secara menetap di kem Lakiun, tidak termasuk 200 ke 300 anggota yang menjalani latihan setiap 3 minggu.

*M  
a  
c*

# Kampung Lumut 1 menjana pelbagai perekonomian

Rencana dan Foto: Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

*08 Mac 2014*

KAMPUNG LUMUT SATU terletak di Pantai Utara Timur, Daerah Belait. Kampung Lumut Satu merupakan salah satu kampung di Mukim Liang yang bersempadan dengan Kampung Lumut Dua dan Kampung Sungai Liang yang mempunyai keluasan kawasan 53 km persegi. Sempadan Kampung Lumut I bermula daripada kawasan simpang Peranginan Pantai Lumut hingga ke Balai Raya Lumut I.

Pada masa lalu, Kampung Lumut I merupakan sebuah perkampungan tradisional. Kebanyakan penduduk berkerja sendiri dengan bercucuk tanam secara kecil-kecilan dan sebahagian bekerja dengan pihak kerajaan. Jumlah penduduk tidak begitu ramai dan kemudahan infrastruktur juga terbatas.

Sebelum Loji BLNG dibina, di sekitar kawasan berkenaan banyak ditumbuhinya lumut terutama sekali di Kuala Sungai, yang pada ketika ini digelar Sungai Lumut. Dari kejadian tersebut, penduduk kampung sekitarnya menggelarkan kawasan tersebut sebagai Kampung Lumut dan nama tersebut kekal hingga sekarang ini di bawah pimpinan Ketua Kampung, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, Ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Daerah Belait.

Dalam tahun 80-an jumlah penduduk mula bertambah dengan penghijrahan penduduk yang telah bersara dari perkhidmatan kerajaan dan swasta memilih untuk membina rumah dan seterusnya bermastautin di kampung ini. Dalam masa yang sama kemudahan-kemudahan awam mula dibina dan dipertingkatkan seperti jalan raya, sekolah, pejabat pos bagi kemudahan dan kesejahteraan penduduk.

Pada ketika ini, penduduk yang tinggal di kampung tersebut dianggarkan 4,236 orang terdiri daripada berbilang bangsa, puak dan anutan agama. Majoriti penduduk bangsa Melayu (terkandung tujuh etnik), diikuti dengan bangsa Cina, Iban, India dan lain-lain sementara beberapa pegangan agama dan adat resam dianut oleh penduduk di kampung seperti agama Islam, Kristian, Buddha dan juga yang tidak beragama dan kebanyakannya mereka bekerja dengan pihak kerajaan dan swasta serta ada yang berusaha sendiri seperti bermiaga, berladang atau bertani dan nelayan.

Hasil utama kampung tersebut ialah Gas Cecair Asli yang diusahakan oleh Syarikat Brunei LNG dan Metanol oleh Syarikat Brunei Metanol (BMC) untuk diekspor ke negara Jepun di samping pertanian, perikanan dan perusahaan-perusahaan kecil seperti pemakanan, kraf tangan, dan pertukangan juga diusahakan.

Produk utama kampung ialah perusahaan biskut kering dan kraf tangan. Usaha tersebut dilaksanakan oleh ibu-ibu tunggal dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lumut I. Di samping itu, terdapat juga produk perseorangan yang diusahakan oleh penduduk kampung seperti perusahaan membuat tongkat dan tanaman jagung dan Balai Raya Kampung Lumut I dijadikan pusat aktiviti bagi menempatkan ahli-ahli MPK dan ibu-ibu tunggal menjalankan kegiatan mereka. Tempat tersebut juga dijadikan tempat mesyuarat dan kegiatan pembuatan dan pemprosesan makanan khususnya biskut kering.

Kampung berkenaan buat kali ketiga dipilih menyertai Projek Anugerah Kampung Cemerlang (AKC). Untuk projek AKC pada tahun ini, Projek Perekonomian, Satu Kampung Satu Produk (1K1P) masih mengetengahkan dua projek iaitu projek perekonomian ternakan ikan air tawar dalam kolam dan dodol dan serunding.

Projek Perekonomian 1K1P sebagai satu titik permulaan MPK Lumut 1 menceburi dalam bidang penternakan. Industri ternakan ikan memberikan keuntungan yang lebih memandangkan harga pasaran dan permintaan ikan yang tinggi. Dalam usaha ini juga, Projek Perekonomian 1K1P, pembuatan dodol dihasratkan dapat dipasarkan secara meluas di negara ini memandangkan belum banyak terdapat dijual di pasaran.



**AHLI-AHLI Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lumut I menuai hasil ternakan ikan air tawar di kolam yang mereka peruntukkan.**

Projek perekonomian ternakan ikan air tawar dan dodol dapat menyatupadukan anak-anak buah kampung dalam melaksanakan kerja gotong-royong dan dapat memberikan ruang dan kesempatan kepada ibu-ibu tunggal dan kaum ibu untuk menampung pendapatan harian mereka. Projek ini juga dapat memberikan ruang pekerjaan beberapa orang wanita dan pencari kerja yang memerlukan bantuan.

Masyarakat kampung telah menunjukkan lebih berkeyakinan pada diri apabila usaha mereka ternyata boleh dipraktikkan dan mereka juga membuktikan bahawa setiap usaha yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh pasti mencapai kejayaan sekali gus memberikan keseimbangan sosioekonomi kampung.

Setelah berjaya menghasilkan produk ikan air tawar dan dodol, MPK Lumut 1 pada tahun 2012 bercadang dan berusaha akan membesarakan produk ikan air tawar dengan cara memelihara dalam kontena dan sangkar dan membuat produk iaitu serunding di samping meningkatkan mutu dodol di masa akan datang.

Pemasaran bagi ikan air tawar, serunding dan dodol akan diusahakan agar dapat dipasarkan secara lebih meluas lagi termasuk ke luar daerah dan peringkat antarabangsa khasnya. Bagi jangka panjang, MPK Lumut 1 juga merancang dan berbincang bersama penduduk kampung untuk menambah satu lagi produk perekonomian seperti membuat bebola ikan. Masyarakat kampung tidak ketinggalan untuk sama-sama menyahut cabaran dan seruan pihak berkenaan.

Projek ternakan ikan air tawar mula diusahakan pada tahun 2010-2011 oleh kaum lelaki terdiri daripada ahli-ahli MPK dan keramaian ahli bagi projek tersebut 39 orang dengan kutipan secara sama rata sebanyak BND110 seorang dan pada keseluruhan kutipan berjumlah BND3,040.

Projek ternakan ikan diteruskan tahun 2012-2013. Ahli-ahli merancang mengadakan penggunaan sangkar dalam kolam serta menggalakkan ahli-ahli membuat kolam ikan di kawasan rumah masing-masing untuk menambah hasil. Menurut laporan MPK tersebut pada bulan Oktober tahun lalu, wang yang berjaya dikumpulkan hasil daripada projek ternakan ikan sebanyak BND1,405.00.

Sementara dodol dan serunding dikendalikan oleh Biro Wanita MPK tersebut. Kuih dodol mula diusahakan dalam projek aktiviti ibu tunggal (2010-2011). Sumber kewangan diperolehi untuk projek serunding daging dari tabung biro wanita dan tabung MPK dengan kutipan bajet permulaan dari ahli-ahlinya sebanyak BND92.55 manakala kuih dodol sumbangan isteri-isteri Duta Asia-Pasifik, BLNG dan bantuan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan kuih sapit dan bahulu sumbangan ahli-ahli jawatankuasa MPK dan individu.

Bagi projek kuih sapit, para peserta seramai 13 orang kutipan sama rata sebanyak BND50 seorang dan keseluruhan kutipan berjumlah BND650. KHEDN telah meluluskan peruntukan sebanyak BND5,366 sebagai menampung balik modal awal bagi perbelanjaan pembelian pagar, atap dan lain-lain projek ternakan ikan dalam kolam dan mesin dodol bagi projek pembuatan dodol.

Selain itu ahli-ahli MPK juga menghasilkan produk sampingan termasuk Teh Mahkota Dewa, Pembuatan Cenderahati, Kraftangan, Popia Seaweed secara perseorangan dan ahli jawatankuasa MPK. Semua aktiviti dijalankan di tempat masing-masing manakala pemasaran dijalankan secara individu dan melalui penyertaan MPK Lumut 1 di Bazar dan Gerai Jualan yang dianjurkan oleh Jabatan Daerah Belait.

Kampung Lumut 1 kali pertama dan kedua menyertai AKC telah mengetengahkan projek dodol, kuih sapit dan ternakan ikan dalam kolam. Projek 1K1P, serunding daging (2012-2013), dodol (2010-2011), kuih kering seperti sapit dan bahulu (2008-2009) dan ternakan ikan dalam kolam (2010-2011).

Pengerusi Projek, Awang Haji Mas Yose bin Abdul menyatakan aktiviti jual beli mempunyai imbuhan yang diperolehi dari aktiviti berkenaan dan dalam dunia perniagaan ada untung dan rugi.

“Perusahaan yang bersifat, biar kecil asalkan berhasil adalah prinsip perusahaan yang ingin kita ceburi. Perusahaan kita yang baru adalah sasaran kita bersama. Semua kita memerlukan bimbingan daripada peringkat awal lagi. Kita bukan sahaja kekurangan modal, kemahiran, pengalaman dan pengetahuan bahkan kekurangan prinsip, motivasi dan falsafah keusahawanan yang betul,” jelas beliau.

Beliau menyatakan mereka yang bekerja keras dan tidak mudah patah semangat akan menerima imbuhan yang dicari, tetapi mereka terlebih dahulu perlu mengikis sikap malas dan mudah putus asa kerana untuk mencapai kejayaan, perlu menyingkirkan sifat negatif dan bagi yang berjaya, mereka sebenarnya memang rajin dan kuat berusaha.



## PEREKONOMIAN

### PENDAPATAN & PENGAGIHAN HASIL

Hasil Perikanan MPK Lumut 1, Oktober, 2013



“Kita kena rajin berusaha kerana hanya yang kuat berusaha akan membolehkan apa yang diimpikan menjadi kenyataan. Sekalipun kita mungkin tidak menjadi jutawan, tetapi kita seboleh-bolehnya berusaha untuk mengubah situasi kewangan dan berusaha meningkatkan ekonomi bagi menyara diri dan keluarga ke arah kehidupan yang lebih baik,” ujarnya.

Beliau selanjutnya menambah, kita harus seronok dan rasa tenang melakukan setiap perkara, sekalipun orang lain mengatakan ia susah dan membosankan tetapi jika sudah minat dalam apa juga bidang, teruskan dan jangan pandang ke belakang kerana ada habuan manis sedang menanti kita di hadapan.

Projek AKC Aspek dan kriteria utama yang dinilai bagi projek berkenaan ialah pengurusan dan pentadbiran, perekonomian yang termasuk penghasilan produk dan sumber kekayaan kampung, mesra alam, kebersihan, keindahan, penjimatan tenaga dan keceriaan, projek dan aktiviti, keselamatan, kebajikan dan kemasyarakatan, keagamaan dan kemahiran serta pendidikan dan infokomunikasi.

Antara tujuan AKC adalah sebagai pemangkin pembangunan dan kemajuan masyarakat kampung, memberi pengiktirafan dan galakan kepada MPK dan penduduk kampung, mengukuhkan keberkesanan MPK termasuk mengangkat kewibawaan dan martabat institusi penghulu dan ketua kampung serta menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan MPK seluruh negara.

# Mukim Peramu kekalkan warisan turun-temurun

Oleh: Norliah Md. Zain

Foto: Hermie Suliana Haji Othman, Muhammad Arif Morni

*29 Mac 2014*



***BALAI ibadat yang terletak di Mukim Peramu.***

MUKIM Peramu merupakan antara enam mukim yang terdapat di Kampung Ayer yang mempunyai tujuh kampung di dalamnya iaitu Kampung Peramu, Kampung Setia Pahlawan, Kampung Lurong Sikuna, Kampung Pekilong Muara, Kampung Bakut Berumput, Kampung Bakut Siraja Muda ‘A’ dan Kampung Bakut Siraja Muda ‘B’.

Penghulu bagi Mukim Peramu pada masa ini ialah Pengarah Awang Haji Ismit bin Pengarah Mukim Haji Naim.

Menurut seorang penduduk, Awang Ahmad Haji Timbang, 63 tahun, asal nama Peramu adalah diambil sempena pekerjaan orang-orang dahulu yang meramu (mengutip) daun, manakala orang yang meramu itu dipanggil peramu. Bermula dari situlah ia dipanggil sebagai Kampung Peramu.

Walaupun terletak di Kampung Ayer, namun ia tidak terkecuali menerima pelbagai kemudahan asasi seperti air paip, elektrik, telefon dan beberapa pembangunan lainnya seperti balai ibadat dan sekolah. Antara pembangunan yang ketara pada mukim ini ialah pembinaan Projek Perintis Menaik Taraf Kampung Air yang melibatkan kawasan lapang di Mukim Peramu dan Mukim Saba.



**RUMAH Jenis ‘B’ Dua Tingkat yang dibina dalam Projek Printis Menaik Taraf Kampung Ayer yang dibina di kawasan lapang Mukim Peramu dan Mukim Saba.**



**GELANGGANG konkrit ini dibina di kawasan rumah Projek Printis Menaik Taraf Kampung Ayer dimanfaatkan oleh belia untuk berkumpul dan bersukan.**

Dengan adanya pembinaan rumah-rumah atas projek tersebut, Kampung Ayer ini sentiasa menerima pengunjung terutama pelancong setiap hari. Rumah-rumah tersergam indah itu menjadikan ia sangat unik kerana susun atur rumahnya yang selesa dan selamat untuk didiami. Setentunya ia akan dapat memberi gambaran yang baik serta mempertingkatkan imej Kampung Air. Projek Perintis Menaik Taraf Kampung Air itu merupakan inisiatif Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sangat prihatin terhadap hal ehwal kesejahteraan rakyat dan penduduk yang tinggal di Kampung Air.

Pembinaan rumah yang bertiang konkrit, berlantai simen, berdindingkan kayu kalis api, menunjukkan keadaan rumah yang dibina menggunakan bahan bermutu tinggi menjadikan keadaan kehidupan di Kampung Ayer lebih baik dari sebelumnya. Bahkan jika sebelumnya kita hanya melihat rumah di Kampung Ayer hanya setingkat, tetapi rumah di bawah projek ini telah dibuat dua tingkat. Kemudahan gelanggang permainan konkrit yang dibina juga memudahkan bagi para belia Mukim Peramu menggunakan pada waktu petang untuk bermain sepak raga.

Dengan adanya projek-projek menaik taraf Kampung Ayer ini, di samping beberapa kemudahan asas yang ada, membuatkan penghuni di Kampung Ayer bersedia untuk terus menetap di situ. Ini penting demi menjaga warisan dari nenek moyang mereka dan kita mesti berbangga kerana kita dapat membuatkan Kampung Ayer itu terus bertahan.

## **PEKERJAAN**

Menurut Penghulu Mukim Peramu, antara pekerjaan penduduk kampung ialah memburis perahu dan membuat kuih-muih.



*GALERI Kebudayaan dan Pelancongan Kampung Ayer yang terletak di Kampung Lurong Sikuna, Mukim Peramu.*



*ROMBONGAN Jabatan Penerangan semasa Program Sua Muka bersama Penghulu Mukim Peramu, Pengarah Awang Haji Ismit bin Pengarah Mukim Haji Naim berserta sebahagian ahli Majlis Perundingan Mukim.*

## POTENSI PELANCONGAN

Ketika Program Sua Muka Jabatan Penerangan ke Mukim Peramu, penulis juga berkesempatan mengunjungi sebuah rumah milik Awang Ahmad bin Haji Timbang yang mana beliau membuat beberapa koleksi barang-barang lama milik keluarganya. Selain barang-barang lama, beliau juga berminat mengumpul cenderamata berupa cawan, pinggan dan sebagainya yang dihadiahkan sempena sesuatu majlis. Bagi beliau, walaupun ia nampak remeh, namun ia mungkin menjadi nilai bersejarah pada masa yang akan datang. Antara cenderamata yang paling berharga bagi beliau ialah cawan yang diperolehi semasa Perasmian Masjid Sultan Omar Ali Saifuddien pada tahun 1958.

Rumah beliau juga sering menerima kunjungan daripada para pelawat yang ingin mengetahui tentang barang-barang lama yang digunakan oleh penduduk Kampung Ayer suatu ketika dahulu. Ujarnya, usaha beliau ini hanyalah untuk suka-suka malah pelawat tidak dikenakan sebarang bayaran.

Walaupun koleksi barang-barang lama itu hanya sedikit, namun ia sedikit sebanyak dapat memberikan maklumat kepada pengunjung tentang barang-barang lama yang pernah digunakan oleh penduduk di Kampung Ayer suatu ketika dahulu. Ini menunjukkan tahap ketamadunan dan pemikiran penduduk Kampung Ayer dahulu kala yang cukup bertata tertib, teratur bahkan materialnya tahan lama sehingga berpuluh tahun. Warisan nenek moyang yang berbentuk material itu walaupun sedikit patut dipelihara kerana ketika ini, agak sukar untuk memperolehi barang-barang keperluan harian sepetimana yang digunakan oleh mereka.

Walaupun pihak kerajaan berusaha menyediakan rumah perumahan di darat, namun usaha untuk menyediakan tapak-tapak rumah di Kampung Ayer tidak dilupakan. Semua ini adalah bagi menjaga dan mengekalkan warisan negara yang menjadi turun-temurun sepanjang zaman.



**SEBAHAGIAN** koleksi barang-barang lama milik Awang Ahmad bin Haji Timbang (kiri dan kanan).

A  
p  
r  
i  
l

# Perumahan serba moden indahkan Kampung Lurong Sikuna

Oleh: Haji Aliddin Haji Moktal

Foto: Hernie Suliana Othman, Muhammad Arif Morni

*19 April 2014*



***RUMAH Jenis B Dua Tingkat yang dibina dalam Projek Printis Menaik Taraf Kampong Ayer.***

KAMPUNG Lurong Sikuna, Mukim Peramu yang terletak betul-betul berhadapan dengan Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan kini mengalami perubahan dan perkembangan dengan adanya Projek Perintis Menaik Taraf Kampung Ayer merupakan inisiatif Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah mencantikkan dan mengindahkan lagi persekitaran Kampung Ayer dengan pembinaan rumah-rumah moden yang kukuh dan tersusun.

Rumah-rumah yang dibina mengekalkan ciri-ciri rumah di Kampung Ayer, berdaya tahan dengan menyediakan kemudahan-kemudahan yang sama seperti di darat serta membantu menjaga alam sekitar terutama air Sungai Brunei.

Projek perumahan ini terbahagi kepada dua jenis rumah iaitu, Rumah Jenis ‘A’ (satu tingkat) mempunyai keluasan 130 meter persegi dengan harga jualan BND65 ribu dilengkapi dengan tiga buah bilik tidur, manakala rumah jenis ‘B’ (dua tingkat) dengan harga BND90 ribu dengan keluasan 198 meter persegi dan mempunyai empat buah bilik tidur.

Projek ini mula dilaksanakan pada 2 April 2011 dan siap pembinaannya pada 10 Julai 2012 .



*SEBAHAGIAN para pelancong yang melawat perumahan di Kampung Lurong Sikuna.*

Pembinaan rumah-rumah tersebut antaranya dilengkapkan dengan pembinaan rangkaian jejantas beratap, pembinaan sistem pembetungan termasuk loji rawatan dan stesen pengepam kumbahan di Sungai Kebun, pembinaan dua kawasan platform untuk tujuan riadah, jeti dan kawasan landskap, pembinaan bangunan substesen elektrik dan sistem elektrik, sistem perpaipan air dan sistem perpaipan pencegah kebakaran.

Antara keistimewaan rumah-rumah di bawah projek ini ialah rumah-rumah akan diberikan penggeranan secara kekal dan akan dilaratkan kepada rumah-rumah Kampung Ayer yang lain.

Disamping ianya dapat memberikan gambaran baik dan mempertingkatkan imej Kampung Ayer sebagai sebuah warisan dan khazanah yang dapat dibanggakan dan berdaya tahan bagi generasi-generasi akan datang.

Dengan adanya pembinaan rumah-rumah atas projek tersebut, Kampung Ayer khususnya Kampung Lurong Sikuna ini sentiasa menerima pengunjung terutama pelancong setiap hari. Rumah-rumah tersergam indah itu menjadikan ia sangat unik kerana susun atur rumahnya yang selesa dan selamat untuk didiami. Setentunya ia akan dapat memberi gambaran yang baik serta mempertingkatkan imej Kampung Ayer.

Projek Perintis Menaik Taraf Kampung Air itu merupakan inisiatif Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sangat perihatin terhadap hal ehwal kesejahteraan rakyat dan penduduk yang tinggal di Kampung Air khususnya di Kampung Lurong Sikuna, yang mana baginda ingin melihat tahap pembangunan di Kampung Ayer ini akan lebih teratur, selesa dan selamat untuk didiami oleh rakyat Negara Brunei Darussalam.

Pembinaan rumah yang bertiang konkrit, berlantai simen, berdindingkan kayu kalis api, menunjukkan keadaan rumah yang dibina menggunakan bahan bermutu tinggi menjadikan keadaan kehidupan di Kampung Ayer lebih baik dari sebelumnya. Bahkan jika sebelumnya kita hanya melihat rumah di Kampung Ayer hanya setingkat, tetapi rumah di bawah projek ini telah dibuat dua tingkat. Kemudahan gelanggang permainan konkrit yang dibina juga memudahkan bagi para belia di Kampung Lurong Sikuna menggunakan pada waktu petang untuk bermain sepak takraw.

Dengan adanya projek-projek menaik taraf Kampung Ayer ini di samping beberapa kemudahan asas yang ada, membuatkan penghuni di Kampung Ayer bersedia untuk terus menetap di situ. Ini penting demi menjaga warisan dari nenek moyang mereka dan kita mesti berbangga kerana kita dapat membuatkan Kampung Ayer itu terus bertahan.

## **POTENSI PELANCONGAN**

Beberapa orang penduduk di Kampung Lurong Sikuna ini berpendapat bahawa kampung ini berpotensi bagi menarik pelancong tambahan lagi di Kampung Lurong Sikuna ini juga terletaknya Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampung Ayer. Galeri yang dirasmikan pada Hari Rabu 19 Ogos 2009 menjadikan Kampung Ayer tetap menjadi tumpuan utama pelawat terutama pelancong dari luar negeri bahkan para tetamu negara.

Rombongan dari pegawai Jabatan Penerangan yang diketuai oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail dan Awang Haji Dayang bin Haji Kasim berkesempatan mengadakan Program Sua Muka bersama Ketua Kampung Lurong Sikuna, Awang Haji Ahmad bin Haji Bujang yang berlangsung di rumah kediamannya.



**GALERI Kebudayaan Kampung Ayer yang terletak di Kampung Lurong Sikuna.**

Semasa perjumpaan itu, Ketua Kampung Lurong Sikuna menjelaskan perkembangan yang telah dicapai sejauh ini dan mengutarkan beberapa cadangan, masalah dan isu yang dihadapi oleh para penduduk di kampung tersebut termasuklah mendirikan surau di kawasan kampung berkenaan bagi kemudahan penduduk dan sekitarnya terutama warga emas dan mencadangkan supaya anak tangga jambatan untuk ditambah sampai ke bawah kerana kalau air cetek anak tangga jambatan tidak sampai ke bawah dan membahayakan para pengguna dan penduduk yang menggunakanannya. Selain itu juga Ketua Kampung Lurong Sikuna mencadangkan supaya Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampung Ayer dibuka pada waktu hari kelepasan awam memandangkan para pelancong yang datang berkunjung pada hari-hari tersebut.

Menurut Ketua Kampung, Awang Haji Ahmad, Kampung Lurong Sikuna berpotensi untuk dimajukan sebagai Pusat Pelancongan khususnya dalam menghidangkan kepada masyarakat dunia bahawa Negara Brunei Darussalam mempunyai Kampung Ayer termoden dalam Mukim Peramu di mana sebanyak 28 buah rumah Kampung Ayer termoden telah dibina di kawasan tersebut dan salah sebuah rumah berkenaan telah dijadikan sebagai tempat 'Homestay' atau Inapdesa bagi para pelancong yang berminat untuk bermalam dan menikmati suasana di Kampung Ayer.

Ketika ini MPK Lurong Sikuna belum lagi mempunyai produk kampungnya sendiri dan telah merancang untuk mengusahakan kuih tradisi seperti kuih Cincin, Ardam, Penyaram dan lain-lain lagi untuk dijadikan hasil produk kampung berkenaan.

Kampung Lurong Sikuna mempunyai keramaian penduduk seramai 500 orang dan dilengkapi kemudahan asas daripada pihak kerajaan termasuklah api elektrik, air, telefon, sekolah, klinik kesihatan dan sebagainya.

Selain itu, Kampung berkenaan juga tidak ketinggalan dalam membuat Kegiatan kemasyarakatan, kebajikan dan keagamaan ke arah Kesejahteraan, Keamanan, Kemakmuran dan Pembangunan Kampung Lurong Sikuna.



*SEBAHAGIAN dari barang-barang lama turut dipamerkan di rumah kediaman beliau.*



*PENYAMPAIAN cenderamata yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail kepada Ketua Kampung Lurong Sikuna, Awang Haji Ahmad bin Haji Bujang.*

*M  
e  
i*

# Kenali RPN Kampung Mentiri Kawasan II

Oleh: Norliah Md. Zain  
Foto: Ihsan Pg. Haji Ibrahim Pg. Haji Hidup

*17 Mei 2014*

KAMPUNG Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri Kawasan II adalah salah sebuah kampung yang terdapat dalam Mukim Mentiri yang boleh dikunjungi melalui Jalan Kebangsaan atau Sungai Akar. Ia bersempadan dengan Kampung Mentiri di sebelah utara dan Kampung RPN Kampung Mentiri Kawasan I.

Menurut Ketua Kampung RPN Kampung Mentiri Kawasan II, Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Haji Hidop, asal nama bagi RPN Kampung Mentiri Kawasan II tidaklah dapat dipastikan secara tepat, namun menurut cerita lisan daripada orang tua-tua terdahulu, namanya berasal dari Kampung Buli.

Menurutnya lagi, RPN Kampung Mentiri dipecahkan dua kawasan memandangkan keseluruhan penduduknya mencapai lebih 6000 orang.

Keramaian penduduk RPN Kampung Mentiri Kawasan II pada masa ini ialah 3,142 orang dan terdiri daripada 496 buah rumah.

Kebanyakan penduduk yang tinggal di RPN Kampung Mentiri Kawasan II ialah terdiri dari bangsa Melayu dan terdapat sebilangan kecil puak Iban dan puak Cina. Dari 3,142 orang penduduk seramai 3007 penduduk adalah beragama Islam. Dari segi pekerjaan pula, majoriti penduduk adalah berkhidmat dengan kerajaan dan sebahagiannya ada yang bekerja sendiri sebagai nelayan.

RPN Kampung Mentiri Kawasan II juga tidak terkecuali menerima beberapa kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air, telefon dan elektrik. Terdapat juga beberapa bangunan kerajaan di kampung ini iaitu Masjid RPN Kampung Mentiri, Pejabat Pos, Pos Polis, 8 blok bangunan perumahan kerajaan, bangunan sekolah menengah dan sekolah rendah.


Semasa program tersebut, Ketua Kampung turut melahirkan rasa syukur kerana kawasan kampung ini juga bakal menerima kemudahan kawasan rekreasi yang sesuai untuk berjoging dan memancing, iaitu berdekatan dengan jambatan kecil sebelum menuju ke kampung itu.

## **MASJID**

Reka bentuk Masjid RPN Kampung Mentiri merupakan antara bangunan yang paling unik di kawasan tersebut. Ia terletak kira-kira 18 km dari Bandar Seri Begawan. Masjid ini dibina pada 9 April 2000 dan mula digunakan pada 14 Disember 2001. Pembinaan masjid ini memakan belanja sebanyak BND4,350,000,00.

Masjid ini mampu menampung seramai 1100 jemaah. Masjid ini juga disediakan dengan pelbagai kemudahan di antaranya ialah bilik kuliah, bilik jenazah, bilik pentadbiran dan kutubkhanah. Menurut ketua kampung, terdapat cadangan anak buah kampung agar menjadikan masjid tersebut sebagai sebuah tempat menarik untuk kunjungan para pelawat kampung seperti pelancong.





Ketika rombongan Jabatan Penerangan mengadakan Program Sua Muka Bersama Ketua Kampung RPN Kampung Mentiri Kawasan II, ketua kampung turut mengongsikan beberapa masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung. Antara masalah yang banyak dihadapi oleh para penduduk ialah keadaan struktur rumah apabila ditambah atau dibesarkan. Menurut ketua kampung, apabila sesebuah rumah perumahan itu dibesarkan keluar dari bingkai struktur asal rumah, struktur yang ditambah itu akan retak walaupun sudah dipailing.

*REKA bentuk Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri merupakan antara bangunan yang paling unik di RPN Kampung Mentiri.*

## **KEGIATAN**

Kampung ini juga giat mengadakan beberapa aktiviti antaranya kegiatan keagamaan seperti Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, aktiviti kesukanan seperti Aktiviti Senam Aerobik dan Walkaton, Perlawanan Bola Sepak Setiap Tahun Semasa Cuti Persekolahan, aktiviti lawatan MPK dan Biro Wanita seperti Aktiviti Lawatan ke Tempat Pemprosesan Pati Minyak Gaharu, dan Kilang Sagu serta Lawatan ke Bangunan Lapau (Adat Istiadat).



*KEGIATAN keagamaan aktiviti yang tidak dilupakan.*



*AKTIVITI Senam Aerobik dan Walkaton antara aktiviti kesukanan anjuran MPK RPN Kampung Mentiri Kawasan II.*



*MPK dan Biro Wanita RPN Kampung Mentiri Kawasan II semasa mengadakan lawatan ke Kilang Sagu.*

## **PRODUK**

Selain itu kampung ini juga giat dalam menghasilkan produknya iaitu kuih jala yang dilaksanakan oleh penduduk kampung di Dewan Kemasyarakatan kampung tersebut. Terdapat juga pembuatan kain tenunan di kampung ini selain aktiviti *garage sale* bagi menjana ekonomi penduduk kampung.



***PROSES pembuatan kuih jala.***



***PRODUK kuih jala.***



***PEMBUATAN kain tenunan.***

*J  
u  
n*

# Kampung Kupang penuh lagenda

Rencana dan Foto: Noraishah Muhammed

*28 Jun 2014*

KAMPUNG Kupang terletak di Mukim Keriam Tutong merupakan sebuah kampung yang mempunyai lagenda yang amat menarik, penduduk serta masyarakat di negara ini dan mengamalkan hidup rukun serta saling bantu-membantu antara satu sama lain dengan jumlah penduduk lebih kurang seramai 2,000 orang.

Kampung yang diterajui oleh Ketua Kampungnya, Awang Haji Puasa bin Haji Kula, berusia 64 tahun mempunyai empat buah kampung di bawah tадahannya iaitu Kampung Maraburong, Kampung Ikas @ Bandong, Kampung Jalan Kerakas Payau dan Kampung Jalan Pulau Beluboh.

Berdasarkan cerita melalui orang tua-tua zaman dulu, nama Kampung Kupang diambil sempena nama seohon pokok yang bernama Pokok Kupang keganjilannya dan amat berbeza daripada pokok-pokok yang lain.

Pokok ini seperti ditumbuh oleh sejenis kerang di laut iaitu kupang. Pokok Kupang ini tumbuh dengan bilangan yang kecil sahaja, bukan seperti pokok-pokok yang lain. Pokok ini tumbuh di kawasan tanah tinggi seperti di bukit-bukit.

Ketinggian Pokok Kupang ini sama seperti ketinggian pokok durian dan bentuknya pun seakan-akan pokok durian dan berdasarkan sumber yang sahih tiada siapa yang tahu siapa sebenarnya yang mula-mula menemui Pokok Kupang tersebut dan siapa yang mula-mula memberi nama kampung ini sebagai ‘Kampung Kupang’.

Oleh sebab pokok ini dari awal lagi tumbuh dalam bilangan yang sedikit sahaja, dukacita pada masa ini pokok ini tidak lagi dijumpai dan mungkin sudah pupus. Mengikut andaian lain lagi berkemungkinan juga asal nama Kampung Kupang ini berdasarkan dari sejarah melalui peristiwa pelayaran Sultan Brunei Ke-5, Sultan Bolkiah sekitar tahun 1473 hingga tahun 1521 mengisahkan tentang kekerapan baginda yang rajin merantau dan singgah di tanah nusantara seperti di kepulauan Jawa, Sumatra, Kalimantan dan termasuk di tanah Filipina.

Ketika keberadaan di Tanah Jawa, baginda dapat melihat kebudayaan serta memerhati cara orang Jawa menjalani aktiviti kehidupan mereka sehari-hari seperti bercucuk tanam dikenali sebagai puak Kedayan. Dengan kerajinan puak ini amat menarik perhatian baginda lalu menawarkan puak ini untuk menetap di Brunei ketika itu.

Apabila sampai di Brunei, puak Kedayan yang dibawa dari Jawa ini ditempatkan di persisir pantai Kampung Jerudong, mereka mula bercucuk tanam dan berpadi di kawasan tersebut sehingga bertahun-tahun lamanya dengan berpindah rendah ke tempat lain sehingga sampai di Kampung Kupang.

Besar kemungkinan, puak Kedayan yang dibawa oleh baginda itu berasal dari kepulauan Timor-Timor, Indonesia dari sebuah tempat yang bernama Kupang Pulau Timor dan disebabkan puak ini yang mula-mula mendiami kampung ini maka andaian kampung ini disebut ‘Kampung Orang Kupang’ lalu disingkatkan dengan Kampung Kupang kekal hingga sekarang.

Penduduk asal Kampung Kupang adalah puak Kedayan tulen dan tidak ada campuran dari puak-puak manupun bangsa-bangsa lain dan menurut sumber lagi sekelompok puak lagi juga berasal dari ‘Bandong’, Indonesia yang asalnya dari kawasan Ikas juga dibawa sama oleh Sultan Brunei ketika itu dan kesahihan kawasan Bandong masih wujud di Indonesia namun sekarang telah didiami oleh penduduk dari suku yang baru.

Menurut sumber lagi, puak Kedayan yang berasal dari Bandong itu juga menetap di Kampung Kupang dan tinggal berdekatan dengan sebuah sungai yang dinamakan ‘Sungai Bandong’ juga masih wujud hingga sekarang. Sungai ini digunakan oleh puak Kedayan yang berasal dari Bandong dijadikan tempat untuk mendapatkan sumber air sehari-hari bekalan untuk makan dan minum dan dijadikan tempat mandi-manda dan mengambil air untuk menyiram kebun dan sebagainya. Nama serta sungai tersebut masih kekal hingga sekarang.

Berdasarkan persamaan nama tempat di negara kita dengan di tanah Jawa (Indonesia) besar kemungkinan aliran ceritanya ada kesinambungan dengan sejarah Sultan Brunei Ke-5, Sultan Bolkiah yang membawa puak Kedayan dari Tanah Jawa, maka terdapat persamaan nama dan tempat, antara lainnya ‘Sungai Sunda’ yang terletak di Kampung Beribi, ‘Kupang’ di Kampung Putat dan mungkin ada banyak lagi.

Menurut Ketua Kampung Kupang lagi berharap seandainya ada lagi cerita yang lain dan ada menyimpan sejarah asal usul nama berkenaan dengan senang hati menerimanya untuk diteliti kesahihannya.

## AKTIVITI

Antara aktiviti kampung yang diungkayahkan oleh biro Majlis Perundingan Kampung (MPK) ialah meneruskan amalan memucang, kampung ini juga mengadakan kelas mengaji dan bertadarus dari rumah ke rumah apabila menjelangnya bulan Ramadan.

Kampung Kupang belum mempunyai sebarang satu produk satu kampung namun kampung ini terkenal dengan jualan benih tanaman, buah-buahan, pokok-pokok tertentu, beberapa jenis padi dan sebagainya yang boleh didapati di Gerai Jualan sayur-sayuran dan buah-buahan kampung berkenaan.

Selain Melayu, Cina dan Dusun merupakan penduduk tetap di kampung ini selain dari orang-orang India yang berniaga membuka beberapa kedai-kedai runcit.



*MENGIKUTI kelas bacaan Al-Qur'an merupakan salah satu aktiviti dan kegiatan yang telah diungkayahkan untuk kaum wanita di Kampung Kupang.*



*KEGIATAN amal bekerja secara bergotong-royong atau memucang-mucang membersihkan tanah perkuburan orang-orang Islam merupakan kegiatan kerja amal yang sememangnya telah lama wujud dalam masyarakat di Kampung Kupang.*



*GERAI Kampung Kupang tempat penduduknya berniaga dan berjual beli serta tempat di mana terdapatnya jualan pelbagai jenis benih tanam-tanaman dan buah-buahan serta pokok-pokok tertentu.*



**KETUA Kampung Kupang, Awang Haji Puasa bin Haji Kula bergambar ramai bersama ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Kupang, Tutong.**

Semadat, Serdang (bahasa Kedayan Saadang), Maabuong (Maraburong), Ampanga, Kuanji (Kuranji), Batampoi, Kaakas Payau (Kerakas Payau), Pantai Piasau, Batu Ampaa (Batu Ampar), Kilau, Lamba, Sawang Landak, Bukit Bacangkol, Sikulit, Pulau Ba'a (Pulau Bara), Taieti (Teriti), Pulau Baluboh, Baambai (Berambai), Mambangan Palapao, Dungun, Damuan dan Luagan Luas merupakan nama-nama kampung yang terdapat di dalam berkenaan.

Kampung ini mempunyai sebuah masjid untuk kemudahan penduduk dan sebuah sekolah rendah yang berfungsi dua sesi, pagi untuk akademik Melayu dan petang untuk kemudahan sekolah agama.

Demi menjaga keselamatan serta ketenteraman penduduk kampung ini kerajaan menyediakan dua pos polis dan sebuah lagi di Jalan Lebuh Raya.

Sebuah bangunan diberi nama Al-Islah, dimiliki oleh Biro Kawalan Narkotik di bawah Jabatan Perdana Menteri, sebuah penempatan khusus bagi orang-orang awam yang terlibat dengan sebarang penyalahgunaan dadah terkawal di negara ini. Antara khazanah alam semula jadi yang dapat dijadikan tarikan pelancong di kampung ini dengan wujudnya beberapa wasai dan tasik, dua buah air terjun yang dikenal pasti dikenali sebagai Wasai Tarus dan Wasai Tujuh Tingkat dan sebuah tasik yang dikenali sebagai Tasek Biru.



*TASEK Biru salah sebuah tempat yang terdapat di Kampung Kupang dan digunakan sebagai tempat beriadah.*



*WASAI Tujuh Tingkat yang dijadikan tempat tarikan pelancong.*

Awang Haji Puasa berharap kesepakatan, kemakmuran serta keharmonian cara hidup yang sudah sekian lama terjalin di antara mereka yang sentiasa hidup di dalam aman dan makmur itu akan kekal terjalin, dan kemudahan jalan raya yang sudah sedia ada akan dibaik pulih dengan seberapa segera kerana keadaannya pada masa ini tidak begitu selesa.

O  
g  
o  
s

# Keakraban jiran sekampung jadi keistimewaan

Oleh: Norliah Md. Zain

Foto: Hernie Suliana Haji Othman,  
Azmah Haji Ahad, Md. Arif Morni

23 Ogos 2014

KEAKRABAN hubungan persaudaraan dengan danganan atau jiran sekampung merupakan keistimewaan bagi kampung ini. Dengan keakraban ini, setiap jemputan majlis suka duka yang diadakan oleh ahli keluarga di kampung ini merupakan satu kemestian untuk dihadiri.

Kampung yang dimaksudkan ialah Kampung Setia ‘A’ yang terletak di Mukim Sungai Kebun. Disebabkan keakraban hubungan persaudaraan dan kesefahaman yang mendalam dalam hidup bermasyarakat, maka kampung ini masih lagi saban tahun dapat mengadakan Makan Arwah Sekampung yang lazimnya diadakan sekitar bulan Rejab dan Syaaban.

Untuk mengadakan Makan Arwah Sekampung bagi Kampung Setia ‘A’, penduduk kampung akan mengumpul wang sumbangan BND30 bagi setiap rumah. Bagi mereka yang tidak menyumbangkan wang ringgit, penduduk kampung juga adalah disarankan untuk sama-sama ikut serta untuk menghadiri majlis berkenaan.

Sejak dua tahun kebelakangan ini, majlis ini telah diadakan di Sekolah Rendah Pehin Datu Jamil Kampung Setia ‘A’, yang sebelumnya diadakan di Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad. Perubahan tempat ini dibuat adalah bagi membolehkan mereka yang uzur syarie untuk hadir bersama.

Tahun ini Majlis Arwah Sekampung telah pun diadakan pada 6 Jun 2014. Para jemputan pula adalah terdiri daripada penduduk Kampung Setia ‘A’ sendiri. Mereka yang berasal dari Kampung Setia ‘A’ tetapi telah berpindah juga turut dijemput pada majlis berkenaan. Pada tahun ini, kampung ini telah berjaya mengumpul wang sejumlah BND2300 dan sebanyak 82 buah keluarga yang turut serta untuk majlis tersebut.

Matlamat kampung ini mengadakan Majlis Arwah Sekampung adalah untuk meringankan beban penduduk ini mengadakan majlis bertahlil di rumah sendiri yang memerlukan belanja yang besar untuk mengundang seluruh penduduk kampung. Walau bagaimanapun tiadalah menjadi halangan bagi mereka yang berkemampuan berhasrat untuk mengadakan majlis bertahlil di rumah sendiri.

Majlis berkenaan juga bertujuan untuk membudayakan amalan berkebajikan oleh penduduk kampung sejak sekian lama bagi mengenang dan mendoakan kaum keluarga yang telah tiada. Melalui acara berkebajikan itu sudah setentunya mengeratkan lagi ukhuwah persaudaraan sesama Muslim, di samping mengharapkan ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Menyentuh mengenai penyediaan jamuan pula, sejak dua tahun kebelakangan ini jamuan adalah menggunakan khidmat katering yang sebelumnya secara gotong-royong. Perubahan ini adalah disebabkan komitmen pekerjaan dan tanggungjawab terhadap keluarga masing-masing.

Walau bagaimanapun penduduk di kampung ini juga tetap menyediakan juadah sendiri untuk disedekahkan dan dihidangkan di majlis berkenaan sebagai penambah menu kepada jamuan yang sedia ada. Makanan yang disedekahkan pula lazimnya makanan-makanan kampung yang lazimnya turut diunjur oleh tetamu yang hadir.

## AKTIVITI

Selain Makan Arwah Sekampung, kampung ini juga masih dapat mempertahankan majlis bertadarus dari rumah ke rumah selama 20 malam berturut-turut yang diadakan pada bulan Ramadan. Malah menurut ketua kampung, adakalanya sukar untuk memenuhi permintaan penduduk kampung kerana jumlah hari yang diperuntukkan itu tidak mencukupi kepada bilangan penduduk yang berhasrat untuk mengadakannya.

Selain aktiviti keagamaan seperti yang dibincangkan sebelum ini, kampung ini juga komited dalam melaksanakan keperluan Fardhu Kifayah. Pada tahun lalu beberapa penduduk kampung ini telah pun menjalani kursus pengapai (memandikan jenazah) di Masjid Kampung Pulaie. Setakat ini sejumlah 44 orang penduduk Kampung Setia ‘A’ dan ‘B’ yang telah berjaya mengikuti kursus tersebut.



**SESI BERGAMBAR RAMAI...** Sebahagian daripada warga Jabatan Penerangan dan penduduk Kampung Setia 'A' bergambar ramai pada akhir Program Sua Muka Jabatan Penerangan.

## PROFIL KAMPUNG

Kampung ini mempunyai 1280 orang penduduk dan 120 buah rumah. Sesuai dengan lokasi kampung yang terletak di kawasan air, maka kampung ini mempunyai mereka yang mahir memburis perahu, bertukang kayu, mengusai (membaiki) andang, mengusai pukat, mengupang, menangkap selisip dan merambat. Malah menurut Ketua Kampung Setia 'A', Awang Haji Asli bin Haji Mamut, di kampung tersebut sudah ada kanak-kanak yang berusia 10 tahun yang sudah pandai merambat seluas tiga depa.

Selain pekerjaan yang berkaitan dengan aktiviti perairan, terdapat juga penduduk yang mahir membuat kuih penyaram, ikan liking dan keropok.

Kampung Setia 'A' ketika ini diketuai oleh Awang Haji Asli bin Haji Mamut, yang telah dilantik pada tahun 2012 dan merupakan ketua kampung yang ketiga di Kampung Setia 'A'.

Kampung ini juga mempunyai beberapa orang penduduk yang berjaya dalam bidang pelajaran iaitu seorang profesor, empat doktor, di samping beberapa pegawai-pegawai kerajaan seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Seperti juga kampung yang lain, kampung ini juga tidak terkecuali dari menerima beberapa kemudahan asas seperti air, telefon, elektrik, sekolah rendah dan agama, masjid dan titian pail.

Rumah-rumah di Kampung Setia ‘A’ kebanyakannya bertiang batu atau konkrit. Menurut Ketua Kampung Setia ‘A’ yang ditemui ketika Program Sua Muka Jabatan Penerangan menjelaskan, penduduk kampung mula menggunakan tiang konkrit setelah melihat pembinaan sekolah yang menggunakan tiang tersebut. Dari situ mereka mula terfikir untuk membuat tiang rumah menggunakan tiang konkrit kerana lebih tahan lama. Bermula dari situ para penduduk kemudiannya terfikir pula untuk membuat lantai konkrit dan sebagainya mengikut perubahan masa dan peredaran zaman.

Pada 26 Januari 2013, kampung ini telah dilanda musibah di mana 10 buah rumah telah musnah di dalam kebakaran. Atas bantuan dan ihsan dari beberapa agensi kerajaan dan swasta, sebanyak lapan buah rumah telah berjaya dibina semula dan mereka telah dapat menggunakan rumah baru itu setahun setelah kebakaran berlaku.

Penduduk kampung ini aktif mengadakan lawatan-lawatan bagi menimba ilmu dan bertukar-tukar pandangan. Mereka ini telah pun melawat ke Jabatan Kajicuaca dan Kampung Kapok iaitu kampung yang menjuarai Anugerah Kampung Cemerlang 2013.



***WARGA Jabatan Penerangan ketika mengadakan Program Ramadan pada 23 Julai 2013 di Kampung Setia ‘A’ turut meluangkan masa melihat rumah kepunyaan Dayang Hajah Pisah binti Tasim yang sedang didirikan semula.***

Selain itu dua lawatan masih dalam rancangan iaitu lawatan ke Tentera Udara Diraja Brunei dan Radio Rangkaian Harmoni.

Kampung ini juga sedang merancang untuk mengadakan Sukan Persahabatan antara Kampung Setia ‘A’ dan Kampung Kapok yang diadakan pada bulan Disember.

Di akhir perbualan, Ketua Kampung Setia ‘A’ turut melahirkan harapan untuk melihat kebersihan kampung pada tahap yang memuaskan memandangkan adanya potensi kampung ini menjadi tumpuan pelancong apabila jambatan menuju ke Sungai Kebun siap nanti.



***KEMPEN kebersihan alam sekitar menghapuskan pembiakan nyamuk Aedes yang berlangsung pada 31 Mei 2013 di Kampung Setia ‘A’.***

S  
e  
p  
t  
e  
m  
b  
e  
r

# Wujudkan masyarakat pemedulian

Oleh: Haniza Abdul Latif

Foto: Haniza Abdul Latif dan Jabatan Penerangan

*06 September 2014*

RANCANGAN Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri Kawasan I adalah sebuah kampung di bawah Mukim Mentiri dan terletak di Jalan Kota Batu, Negara Brunei Darussalam. Ketika rombongan Jabatan Penerangan mengadakan Program Sua Muka Bersama Ketua Kampung RPN Kampung Mentiri Kawasan 1, Pengiran Haji Aliuddin bin Pengiran Haji Damit menjelaskan, kampung ini mempunyai sebanyak 325 buah rumah dengan jumlah penduduk kampung seramai 3,000 orang. Kebanyakan penduduk yang tinggal di RPN Kampung Mentiri Kawasan 1 ialah terdiri dari bangsa Melayu dan terdapat sebilangan kecil bangsa Iban dan bangsa Cina. Dari 3,000 orang, 1,455 penduduk adalah lelaki dan 1,545 perempuan. Dari segi pekerjaan pula, majoriti penduduk adalah berkhidmat dengan kerajaan dan sebahagiannya ada yang bekerja sendiri sebagai nelayan.

## **KEMUDAHAN AWAM**

Semasa program tersebut, Ketua Kampung turut mengongsikan kemudahan-kemudahan awam yang terdapat di dalam RPN Kampung Mentiri Kawasan 1 termasuk masjid, Pusat Kemasyarakatan, Pejabat Pos, Pos Polis dan Balai Bomba.



***BALAI bomba ini memberi perkhidmatan kepada lima buah kampung dalam kawasan tadahan Mukim Mentiri iaitu Kampung Mentiri, Kampung Kawasan I dan II Rancangan Perumahan Kampung Mentiri dan Kampung Sungai Buloh.***

### **BALAI BOMBA**

Balai Bomba Mentiri dibina berdekatan Balai Polis Mentiri di atas tapak seluas 3.21 ekar (1.23 hektar). Projek pembinaan bagi Balai Bomba tersebut berharga BND7,805,189.90 termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara dan telah siap pembinaannya pada 30 Mei 2013.

Balai ini memberi perkhidmatan kepada lima buah kampung dalam kawasan tadahanya iaitu Mukim Mentiri iaitu Kampung Mentiri, Kampung Kawasan 1 dan II Rancangan Perumahan Kampung Mentiri dan Kampung Sungai Buloh.

Dengan adanya balai bomba ini ia telah dapat memberikan perkhidmatan kecemasan yang lebih cepat dan mesra rakyat bagi penduduk di mukim yang berjumlah lebih 11,176 orang selain dapat memberikan khidmat kecemasan bagi penduduk di 4,000 buah unit rumah skim perumahan Kampung Mengkubau.

## **PUSAT KEMASYARAKATAN**

Pusat Kemasyarakatan Perpindahan Mentiri mula dibina pada 26 Februari 1996 dan siap pada 25 Mei 1997. Dewan pusat kemasyarakatan ini boleh memuatkan seramai 400 orang. Kemudahan yang terdapat dalam dewan termasuk 3 gelanggang bulu tangkis, 8 unit ruang kedai, 1 bilik aktiviti, 1 bilik sukan dan 2 pejabat.

## **PEJABAT POS**

Pejabat Pos Mentiri dibina di atas tapak yang berkeluasan 0.5581 hektar dengan kos pembinaan sebanyak BND358,600. Ia mula dibina pada 30 Januari 2003 dan dirasmikan pada 19 Mac 2007. Pada bulan Oktober tahun lepas pejabat pos ini telah menerima ‘Anugerah Pejabat Pos Penyerahan Terbaik’ sempena sambutan Hari Pos Sedunia.

Menurut Pengiran Haji Aliuddin, dengan terbinanya Pejabat Pos Mentiri ini, bukan sahaja telah memudahkan lagi penduduk kampungnya dan malahan juga penduduk kampung di sekitarnya.

## **JAWATANKUASA YANG BERFUNGSI**

Di kampung ini, tiga jawatankuasa yang berfungsi dalam membantu apa jua kegiatan-kegiatan yang berkebajikan di kampung ini. Jawatankuasa tersebut ialah Majlis Perundingan Kampung (MPK), Kejiranan Kampung dan Gerakan Ibu Bapa Belia.

Salah satu fungsi yang telah diungkayahkan oleh MPK adalah membantu Ketua Kampung bagi menggerakkan apa-apa jua aktiviti-aktiviti seperti keagamaan, kemasyarakatan, sukan dan ekonomi yang dilaksanakan di kampung ini.

Antara aktiviti atau acara yang diadakan pada setiap tahun adalah Majlis Doa Arwah Sekampung, Majlis Penyampaian Derma Anak Yatim dan Kempen Membersihkan Kubur Orang-Orang Islam.

## **KEGIATAN-KEGIATAN KEAGAMAAN**

Kegiatan seumpama ini diadakan sempena bulan Ramadan, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha.

Pada tahun 1997, sebelum tertubuhnya sebuah masjid di kampung ini, Ahli-ahli MPK pada masa itu telah bercadang untuk memanfaatkan pusat kemasyarakatan yang ada untuk digunakan sebagai tempat Sembahyang Sunat Tarawih dan acara bertadarus sepanjang bulan Ramadan, Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri, Sembahyang Sunat Aidiladha dan juga Majlis Tahlil Arwah Sekampung.

Kegiatan-kegiatan ini telah mendapat sambutan yang baik daripada penduduk kampung dan telah diteruskan sehingga tahun 2001 dengan jayanya.

## **AKTIVITI BERDIKIR**

Dalam usaha untuk mengembangkan Dikir Syarafil Anam dan juga Dikir Brunei, satu kumpulan dikir telah pun ditubuhkan dan diberi nama Shoutul Barakah yang dipengerusikan oleh ketua kampungnya sendiri. Ahli-ahli terdiri daripada penduduk kampung sendiri. Untuk menghalusi bacaan dikir dan lagu, kelas latihan telah dibuat di rumah ketua kampung dan di Bilik Aktiviti Pusat Kemasyarakatan Perpindahan Mentiri. Kelas tersebut diadakan selama dua kali seminggu iaitu pada hari Selasa dan Rabu yang mana hari Selasa dikhkusukan untuk pendikir lelaki dan hari Rabu dikhkusukan untuk pendikir perempuan.

Bagi menyemarakkan malam Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Ahli-ahli MPK membuat rombongan bersama Ahli-ahli Kumpulan Dikir Shoutul Barakah membuat kunjungan ke rumah-rumah di kawasan ini selama 12 malam berturut-turut dengan tujuan bagi merapatkan hubungan tali silaturrahim antara ahli-ahli MPK dengan penduduk kampung ini.

Dari kegiatan-kegiatan yang telah diungkayahkan, ia telah memberi kesan yang positif ke arah perpaduan dan persefahaman dalam kalangan penduduk kampung ini dan kenal mengenali di antara satu sama lain semata-mata untuk mewujudkan satu masyarakat pemedulian dan tidak camah mata dengan saling tolong-menolong di antara satu sama yang lain.



*KETUA Rombongan dari Jabatan Penerangan menyampaikan cenderahati kepada Ketua Kampung RPN Kampung Mentiri Kawasan 1.*



*ROMBONGAN dari Jabatan Penerangan bersama Ketua Kampung RPN Kampung Mentiri Kawasan 1 bergambar ramai.*

# Istimewanya nama Kampung Junjongan

Oleh: Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor, Rahimah Haji  
Tamin dan Nurul Syakirah Zaini (Mahasiswi UBD)

*20 September 2014*

ROMBONGAN Program Sua Muka, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri telah meninjau lebih dekat lagi Kampung Junjongan iaitu salah sebuah kampung di bawah Mukim Pengkalan Batu dan terletak kira-kira 38 kilometer dari Bandar Seri Begawan.

Kampung Junjongan juga mempunyai tempat bersejarah iaitu Makam Sharif Alwi yang terletak berhampiran sungai. Menurut sejarah lisan, pada zaman dahulu ada seorang Sharif yang mengembara untuk menyebarkan Islam di kampung-kampung, beliau sempat bertarung dengan Datu Rumbi, seorang yang kebal. Pertarungan itu berlaku di Kampung Masin dan akhirnya menyebabkan Sharif Alwi tertewas lalu mayatnya hanyut dan terdampar di Sungai Limau Manis. Sharif Alwi diberi gelaran ‘Raja Junjungan’ di atas pengorbanannya.

Tapak makam ini masih boleh dilihat sehingga kini sebagai tinggalan bukti sejarah yang juga tertulis di dalam buku Tersilah Brunei sebagai rujukan.

Menurut Ketua Kampung Junjongan, Awang Haji Tahir bin Haji, pada asalnya kampung ini bernama Kampung Lampaki. Lampaki merupakan sejenis buluh. Kemudiannya nama kampung ini ditukar menjadi Kampung Junjongan kerana pada masa dahulu sering dikunjungi dan menjadi tumpuan para pengalu.

Mengikut cerita orang dahulu, pengalu ini mengalu dari bandar ke kampung untuk mencari rezeki. Pada masa itu, berlaku sistem pertukaran barang masih diamalkan; ikan masin ditukar dengan buah-buahan. Di samping itu, nama kampung ini diambil sempena suku baik daripada perkataan disanjung, dijunjung yang membawa maksud dipandang tinggi serta dihormati.

Menurutnya lagi, sekitar tahun 1930-an, kampung ini hanya didiami seramai lebih kurang 30 orang penduduk dengan hanya 13 buah rumah didirikan. Ketika itu, semangat bergotong-royong sangat menebal dalam kalangan penduduk kampung contohnya bila penduduk kampung ini berhasrat untuk memindah rumah dari satu tempat ke tempat yang lain maka mereka akan melakukannya dengan mengangkat tiang rumah beramai-ramai.

## **KEMUDAHAN**

Dalam program ini Awang Haji Tahir bin Haji yang menjawat jawatan tersebut sejak 16 tahun lalu, mengongsikan pandangan termasuk kampung ini yang telah diberi pelbagai kemudahan kerajaan seperti pembinaan masjid yang siap pada 15 September 1998 di atas tapak tanah seluas 1.5 ekar dengan perbelanjaan sebanyak BND60 ribu. Kapasiti masjid ini boleh menampung seramai 250 orang jemaah. Di antara kemudahan lain yang disediakan termasuk bekalan air, elektrik dan sekolah.

Di samping itu, penduduk kampung juga mengusahakan skim tanaman kelapa yang bermula pada tahun 1975.

Pada masa ini seramai 63 orang diberikan satu lot setiap seorang iaitu tanah seluas dua ekar setiap seorang untuk dimajukan bagi skim tanaman tersebut. Manakala pada tahun 2000, Koperasi BAKA telah ditubuhkan sehingga kini mengusahakan ladang buah-buahan tempatan yang ditanam di tanah seluas 73 hektar oleh 128 ahli kampung berkenaan.

Dengan keadaan tanah yang subur, kampung ini juga mengusahakan ladang buah-buahan tempatan seperti durian, rambutan, pulasan, kembayau, binjai dan belunu.

Program ini juga sempat bersua muka dengan Pengusaha Kerajinan Tangan Tar (Hadrah), Awang Haji Taha bin Haji Mohd Salleh. Hadrah ini boleh digolongkan dalam muzik paluan iaitu muzik yang hanya menggunakan alat-alat gendang dan gong untuk mengiringi nyanyian semasa majlis kebudayaan seperti perkahwinan, menyambut tetamu dan sebagainya. Hadrah juga berasal dari perkataan Arab iaitu dikir yang disertai oleh kompong atau rebana kecil.



***PERIGI yang menyimpan legenda sejarah yang masih wujud sehingga kini.***

Sebelum ini, Awang Haji Taha bekerja sebagai pembuat perahu tambang dan membina rumah-rumah. Beliau kemudiannya aktif menghasilkan tar bagi untuk dijadikan cenderahati atas permintaan pelanggan terutama pihak-pihak sekolah, agensi awam dan swasta dan persendirian.

Selain mempunyai tempat bersejarah yang boleh dijadikan tarikan pelancong, kampung ini juga sebuah kampung yang aktif dalam banyak hal antaranya giat menjayakan acara berkebajikan, keagamaan dan sukan melalui Majlis Perundingan Kampung (MPK).



*PENGUSAHA Kerajinan Tangan Tar (Hadrah), Awang Haji Taha bin Haji Mohd. Salleh memperlihatkan hasil kraf tangannya (gambar atas), manakala gambar bawah, hasil dari ladang buah-buahan yang diusahakan oleh penduduk Kampung Junjongan.*





*MAKAM Sharif Alwi yang terletak berhampiran sungai di Kampung Junjongan terkenal kerana menyebarkan Islam di kampung-kampung menjadi tarikan kampung berkenaan.*

O  
k  
t  
o  
b  
e  
r

# Jejaki Kampung Ujung Kelinik, Sungai Siamas

Oleh: Norliah Md. Zain

Foto: Haji Ariffin Md. Noor, Md. Arif Morni dan  
koleksi Jabatan Penerangan

*04 Oktober 2014*

RUANGAN Kenali Negara Kitani keluaran kali ini memaparkan sebuah kampung di Kampung Ayer iaitu Kampung Ujong Klinik dan Sungai Siamas. Rombongan Jabatan Penerangan telah pun berkunjung ke rumah ketua kampung tersebut sempena dengan Program Sua Muka (Personal Contact). Program ini antara lain bertujuan untuk melihat perkembangan kampung tersebut dan mengerakkan silaturahim dengan para penduduknya. Perjumpaan ini dihadiri oleh beberapa orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Kampung Ujong Klinik dan Sungai Siamas ditadbir oleh seorang ketua kampung iaitu Awang Haji Mat Saat bin Haji Matamit. Ketika ini seramai 429 orang penduduk yang tinggal di kampung ini, iaitu lelaki seramai 221 orang, perempuan 264 orang, warga emas 27 orang, belia 43 orang, kanak-kanak 105 orang.

Terdapat sumber yang mengatakan bahawa sebelum nama Kampung Ujong Klinik, ia dipanggil Kampung Antarabangsa. Walau bagaimanapun tidaklah dapat dipastikan bagaimanakah pertukaran nama ini berlaku.

Sementara Sungai Siamas pula mempunyai ceritanya yang tersendiri. Kononnya pada suatu masa dahulu, ada sebuah kapal emas hendak masuk ke Brunei lalu kapal tersebut terjumpa dengan ketupat yang terapung-apung dengan masih terdapat sisa nasi di dalamnya. Lalu ketupat itu menyapa dan bertanya kapal emas tersebut. Setelah kapal emas memberitahu bahawa dia mahu masuk ke Brunei, ketupat tersebut berkata: “Sedangkan aku yang selalu mengisi perut mereka lagi kena buang, ani kan kau.”. Lalu kapal tersebut pun bertukar fikiran dan akhirnya kapal itu pun tenggelam di kampung tersebut. Inilah asalnya Kampung Sungai Siamas.

Kampung ini juga tidak terkecuali menerima kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air, telefon, sekolah dan surau. Terdapat 50 buah rumah yang didirikan di Kampung Ujong Klinik dan Sungai Siamas.

Sesuai dengan kedudukannya di air, kebanyakan penduduk kampung ini bekerja sebagai nelayan menangkap ikan. Ketika ini, kampung ini belum mempunyai produknya sendiri memandangkan pembuat produk kampung sebelum ini telah pun berpindah ke darat kerana mendapat rumah perpindahan kerajaan.



***SEKOLAH Rendah Sungai Siamas yang kini mempunyai 177 orang murid.***

### **SEKOLAH RENDAH SUNGAI SIAMAS**

Antara kemudahan yang terdapat di kampung ini ialah sebuah sekolah rendah iaitu Sekolah Rendah Sungai Siamas. Nama sekolah ini diambil sempena Cerita Rakyat Brunei iaitu Asal Usul Sungai Siamas. Sekolah ini dibina pada 22 Oktober 1983 dengan keluasan 408 kaki x 108 kaki. Sekolah ini menggunakan tiang konkrit yang mana anggaran pembinaan sekolah ini menelan belanja sebanyak BND4,162.402.30. Sekolah ini mula dibuka pada 14 Mac 1985.

Pada masa ini, Sekolah Rendah Sungai Siamas mempunyai 177 orang murid dengan keramaian 26 orang tenaga pengajar, di samping mendapat khidmat dari dua orang guru sekolah menengah yang diaturkan bagi membantu pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Matematik dan Sains Tahun 6.

Guru Besar sekolah tersebut ialah Dayang Nor Asnawati binti Haji Mohd Yassin.

Seperti juga sekolah rendah yang lain, Sekolah Rendah Sungai Siamas, Brunei I tidak terkecuali daripada mengendalikan beberapa program bagi meningkatkan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) yang antaranya ialah Program ‘SMILE’, Program SIAMASKU yang melibatkan semua mata pelajaran, Program Muridku Sayang, kelas tambahan dan usaha sekolah berkenaan yang turut mengadakan program keagamaan bagi murid-murid Tahun 6 termasuk Program Bacaan Surah Yaa Siin dan Program Membaca Ratib Al-Attas.



**IMBAS KEMBALI ... Sebahagian rumah-rumah di Kampung Sungai Siamas yang terjejas akibat angin kencang tahun lalu.**



**SEBAHAGIAN** daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan bergambar ramai bersama Ketua Kampung Ujong Klinik iaitu Awang Haji Mat Saat bin Haji Matamit.

## **SYUKUR**

Pada 19 April 2013, beberapa buah rumah telah terjejas oleh kejadian angin kencang. Mereka yang terjejas tidak terkecuali menerima bantuan membaik pulih rumah-rumah mangsa. Turut terjejas ketika itu ialah Sekolah Rendah Sungai Siamas, namun ia tidak menjelaskan operasi sekolah berkenaan. Alhamdulillah, para penduduk ketika itu dapat menghadapi ujian ini dengan tabah dan penuh sabar.

Pada akhir perjumpaan sua muka, ketua kampung sempat melahirkan rasa syukur kerana kampung ini masih lagi hidup rukun dan damai kerana adanya hubungan silaturahim yang erat sesama jiran. Malah setakat ini permasalahan yang menimpa kampung ini dapat ditangani oleh ketua kampung.

O  
k  
t  
o  
b  
e  
r

# Batu Apoi: Gabungan perkataan bahasa Melayu, Murut

Rencana dan Foto: Hezlinawati Haji Abdul Karim

*18 Oktober 2014*

TERLETAK kira-kira lima kilometer dari Pekan Bangar, Kampung Batu Apoi didiami dengan penuh keharmonian oleh pelbagai bangsa iaitu Melayu, Murut, Iban dan Cina. Nama kampung tersebut mempunyai sejarahnya tersendiri di mana ‘Batu Apoi’ merupakan gabungan dua perkataan, dua bahasa dari dua bangsa yang tinggal di kampung tersebut iaitu ‘Batu’ yang merupakan perkataan bahasa Melayu, manakala ‘Apoi’ pula adalah perkataan bahasa Murut yang bermaksud api.

Kampung itu juga mempunyai sejarah awal kewujudannya di mana dalam tahun 1925 sekumpulan orang Melayu Brunei dari Kampung Peramu, Bandar Brunei berhijrah dan membuat penempatan/perkampungan kecil di Kampung Batu Apoi yang diketuai oleh Awang Mokti bin Abdullah yang kemudiannya disampiri gelaran Orang Kaya Maharaja Lela oleh baginda Sultan Ahmad Tajuddin. Gelaran tersebut kemudiannya diwarisi oleh anaknya iaitu Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd Yusof.

Dalam pendekatan beberapa pegawai dari Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Temburong bersama Ketua Kampung Batu Apoi, Awang Haji Daud bin Haji Masri di kediaman beliau semasa berlangsungnya Program Sua Muka, ketua kampung berkenaan telah mengongsikan maklumat akan kemudahan yang terdapat di kampung berkenaan. Antara kemudahan yang dinikmati oleh para penduduk di kampung tersebut ujarnya termasuklah sebuah sekolah kerajaan, balai raya, pos polis dan sebuah masjid, di samping kemudahan asas lainnya seperti talian telefon, bekalan elektrik dan air, jalan raya dan sebagainya.

Di kampung itulah juga terbinanya Kompleks Sukan Temburong, manakala ketika ini sedang rancak dalam pembinaan ialah kem latihan yang kekal bagi Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) yang dijangka siap pertengahan tahun 2015.



***ROMBONGAN dari Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Temburong ketika berkunjung ke kediaman Ketua Kampung Batu Apoi, Awang Haji Daud bin Haji Masri semasa berlangsungnya Program Sua Muka.***

### **PRODUK ‘1K1P’**

Sementara itu sumber semula jadi di sekitar kawasan sungai Batu Apoi yang diliputi oleh pokok-pokok rumbia telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh para penduduk Kampung Batu Apoi dengan mengusahakan pemprosesan ambulung. Produk tersebut diungkayahkan di bawah projek ‘Satu Kampung Satu Projek’ (1K1P) yang sedikit sebanyak telah dapat membantu menambah perekonomian para penduduk kampung tersebut, di samping mendapat sambutan dan permintaan yang agak memberangsangkan dari orang ramai. Makanan kegemaran bagi kebanyakan rakyat Brunei itu diproses di sebuah Kilang Mini Perusahaan Ambulung yang terletak di tebing sungai kampung berkenaan.

Dalam pada itu, ke arah meningkatkan lagi penghasilan di bawah 1K1P, maka Biro Wanita Mukim Batu Apoi telah mengambil inisiatif untuk menghasilkan biskut yang diperbuat daripada ambulung. Menurut Penolong Biro Wanita MPK Batu Apoi, Dayang Normah binti Ismail, idea untuk membuat biskut ambulung ini muncul sejak lebih dua tahun lalu. Diusahakan oleh ahli-ahli Biro Wanita MPK Batu Apoi ujarnya pembuatan biskut ambulung ini juga adalah sebagai salah satu perusahaan bagi ahli-ahli biro wanita yang tidak bekerja, selain bagi mengisi masa lapang mereka serta untuk menambahkan pendapatan bagi menyara kehidupan sehari-hari.



***AMBULUNG - produk perekonomian MPK Batu Apoi yang kini berjaya menarik perhatian para penggemar makanan ‘ambuyat’.***

“Pembuatan biskut ambulung ini juga adalah untuk menyahut seruan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi mencapai kemajuan kampung melalui 1K1P. Dengan pembuatan biskut ambulung ini saya berharap akan dapat meningkatkan lagi ekonomi MPK serta penduduk kampung Batu Apoi serta memberi peluang pekerjaan kepada golongan belia dan beliawanis di kampung ini,” ujar Dayang Normah.

Biskut ambulung MPK Batu Apoi mempunyai lima perasa atau jenis iaitu biskut ambulung biasa, oreo, keju (cheese), coklat chip, pandan dan coklat rice. Menurut Dayang Normah biskut ambulung yang paling digemari ialah perasa keju (cheese) dan oreo.



**PENOLONG Biro Wanita MPK Batu Apoi, Dayang Normah binti Ismail ketika membuat persiapan bagi memenuhi tempahan biskut ambulung Biro Wanita MPK Batu Apoi.**

Ketika menceritakan mengenai proses pembuatan biskut tersebut Dayang Normah menjelaskan, tepung ambulung diperolehi daripada perusahaan MPK Batu Apoi yang mengusahakan pemprosesan ambulung sebagai produk yang dihasilkan di bawah projek 1K1P di mana ahli-ahli MPK itu sendiri yang mendapatkan pohon rumbia. Biro wanita ujarnya membeli tepung ambulung yang telah diproses dan setelah itu barulah ahli-ahli Biro Wanita mengusahakan tepung tersebut dengan terlebih dahulu menjemur tepung berkenaan sebelum ia diayak dan seterusnya digoreng bagi menghasilkan biskut. Menurutnya sambutan orang ramai termasuk dari segi tempahan adalah memberangsangkan di mana tempahan bukan saja diterima dari dalam daerah malahan juga dari luar daerah. Biro Wanita MPK Batu Apoi juga katanya pernah mengikuti ekspo jualan selain menerima tempahan bagi majlis-majlis tertentu seperti majlis-majlis perkahwinan dan sebagainya. Beliau berharap agar produk biskut ambulung akan terus berkembang luas hingga dapat memasarkannya ke luar negeri.



**KETUA Kampung Batu Apoi ketika memberi tunjuk cara memotong rumbia yang hendak diproses menjadi ambulung.**

N  
o  
v  
e  
m  
b  
e  
r

# Menyusuri Kampung Tumpuan Telisai

Oleh: Noraishah Muhammed

Foto: Norshamsudin bin Haji Md. Yassin

*01 November 2014*

KAMPUNG Tumpuan Telisai Mukim Telisai, terletak di Daerah Tutong berhampiran dengan pantai kira-kira 18 kilometer dari Pekan Tutong mempunyai keramaian penduduk seramai 3,744 orang.

Penduduk terdiri daripada pelbagai kaum yang berstatus masyarakat majmuk yang terdiri dari puak Dusun, Tutong, Kedayan, Brunei dan lain puak yang berasal dari daerah lain dan kemudian berpindah dan bermastautin setelah terbinanya Skim Perumahan Perpindahan Rakyat Jati Kampung Telisai.

Majoriti penduduknya adalah beragama Islam yang diwarisi secara turun-temurun dan sebahagian kecilnya pula adalah yang telah menganut ugama Islam (Mu'afaf) dan hanya tinggal beberapa kumpulan keluarga sahaja lagi yang masih lagi belum memeluk ugama Islam khususnya yang telah berpindah dari kampung yang lain untuk bermastautin di kampung ini.

Diperkatakan pada zaman dahulu sumber ekonomi kehidupan penduduk-penduduk setempat hanya bergantung kepada bercucuk tanam atau menanam padi, mencari bahan-bahan dari hutan, berburu, menangkap ikan dan sebagainya.



*KENANGAN ... Kawasan penanaman padi di Sungai Paku yang diusahakan oleh penduduk Kampung Tumpuan Telisai satu ketika dulu.*

### **ASAL USUL NAMA KAMPUNG TELISAI**

Pada masa dahulu penduduk-penduduk setempat telah mengusahakan pembuatan garam tradisional yang dihasilkan daripada batang-batang kayu yang terdapat di tepi pantai tersebut yang kemudiannya dibakar dan disiram dengan air laut untuk memperolehi debunya yang akan dimasak sehingga beku menjadi garam.

Garam tersebut disebut sebagai ‘Garam Takang’ atau ‘Sira Takang’ (Uson Takang di dalam dialek Dusun). Proses ini memakan masa yang agak lama. Garam Takang mempunyai rasa yang cukup enak untuk dimakan dengan nasi beras tempatan malah ada yang dimakan begitu sahaja.

Penduduk-penduduk di sekitar kampung dan juga penduduk-penduduk kampung dari kawasan yang lain akan datang bertumpu ke pantai tersebut untuk bertukar-tukar barang harian seperti beras, sagu, sayur, ikan dan juga keperluan-keperluan yang lain dengan Garam Takang di sebuah kawasan lapang di bawah sepohon kayu yang bernama ‘Pokok Telisai’ (pokok tersebut masih wujud hingga masa ini yang satu-satunya masih bertahan) untuk berteduh daripada panas dengan daunnya yang lebar dan rimbun.

Pada zaman dahulu, di kawasan pantai berdekatan dengan Pokok Telisai ini merupakan tumpuan penduduk-penduduk dari kawasan Tutong atau Seria, Belait dan juga sebahagiannya dari bandar untuk dijadikan tempat rehat atau perhentian sementara sebelum meneruskan perjalanan ke destinasi masing-masing.

Disebabkan perjalanan pada zaman itu memakan masa yang agak lama sehingga 3 ke 4 hari baru sampai ke tempat yang dituju bahkan ada masanya sehingga seminggu perjalanan dengan menyusur pantai ketika air surut dan melalui lorong-lorong jalan di dalam hutan. Makanya mereka mesti membawa bekalan bahan makanan yang mencukupi bagi sesuatu perjalanan.

Ianya juga dijadikan pengkalan tumpuan untuk perkumpulan bagi para nelayan setempat dan juga nelayan-nelayan yang datang dari Kuala Tutong dan juga Kuala Sungai Penyatang yang pergi atau balik dari menangkap ikan, di samping memperdagangkan hasil tangkapan dibuat secara bertukar-tukar barang yang diperlukan.

Akhirnya, terhasillah nama Tumpuan Telisai yang sebelumnya hanya disebut ‘Pengkalan Telisai’ yang seterusnya diabadikan sebagai nama kampung yang belum bernama pada masa itu sebagai Kampung Tumpuan Telisai sehingga sekarang sebelum diubah kepada nama Kampung Telisai sahaja.



*MASJID Telisai tersergam indah.*

## KAWASAN KAMPUNG TELISAI

Kawasan Telisai terbahagi kepada dua kawasan iaitu kawasan Telisai Tengah dan juga kawasan Telisai Pantai. Kedua-dua kawasan ini seolah-olah merupakan sebagai nadi utama kepada keseluruhan kawasan Kampung Telisai yang telah menempatkan prasarana seperti masjid, sekolah rendah, pos polis, pejabat pos dan juga klinik kerajaan khususnya di kawasan Telisai Pantai yang terkenal dengan Taman Rekreasi Pantai Telisai dengan replika Buah Tembikai (Sekoi) yang dibina di jalan simpang masuk ke kawasan tersebut.

Bangunan-bangunan rumah kedai, restoran, kedai tayar, kedai ubat, kedai gunting, salon rambut termasuk bangunan Syarikat Kerjasama Primet dan mencuci kereta. Di kawasan Telisai ini juga terdapat sebuah bengkel membaiki kereta selain daripada bangunan blok gerai serta kawasan tapak riadah yang telah diusahakan bersama oleh Majlis Perundingan Kampung Telisai dan juga penyertaan penduduk-penduduk yang tinggal dari seluruh kawasan Kampung Telisai.

Tapak riadah ini adalah sebuah kawasan untuk mengadakan berbagai-bagai aktiviti seperti jogging atau memandu kereta-kereta buggy oleh penduduk terutamanya kumpulan belia yang tinggal di kawasan-kawasan Kampung Telisai dengan bentuk alam semula jadinya yang tiada terusik.



**JAMBATAN Telamba ...** Salah satu jalan utama menuju ke Kuala Belait.



**PENUH BUDAYA ...** Pesta Makanan yang dianjurkan oleh penduduk kampung.

Kawasan Telisai Tengah ini sentiasa sibuk dilalui oleh kenderaan yang melalui jalan utama sama ada yang menuju ke arah Seria, Belait atau pun kenderaan yang menuju ke arah Tutong dan Daerah Brunei Muara, malahan juga kenderaan-kenderaan dari negara jiran yang pergi ke wilayah Limbang Sarawak dan Sabah melalui pos kawalan Kuala Lurah dan juga ke wilayah yang lain di Sarawak melalui pos kawalan sempadan di Sungai Tujuh.

Pada masa ini bilangan rumah yang telah dibangunkan di kawasan ini semakin bertambah dari semasa ke semasa dan ada di antaranya yang masih lagi di dalam proses pembinaan dan sebahagiannya pula telah siap sepenuhnya yang kini telah pun didiami.

Penduduk yang telah membangunkan rumah-rumah di kawasan ini adalah terdiri daripada penduduk yang sememangnya berasal dari kawasan Kampung Telisai dan sebelumnya telah tinggal di rumah-rumah tumpangan kerajaan di daerah yang lain atas sebab sedang menjalankan tugas atau bekerja di daerah yang berkenaan.

Sebahagian daripada penduduknya hanya akan mendiami rumah-rumah yang telah dibangunkan di setiap hujung minggu sahaja atau ketika sedang bercuti disebabkan tempat bertugas adalah jauh dari kawasan kampung (di daerah yang lain) dan telah mendapat tempat tinggal di rumah-rumah tumpangan kerajaan atau rumah yang telah disewa.

# Kampung Tanjung Bungarkekalkan budaya masyarakat Iban

Rencana dan Foto: Hezlinawati Haji Abdul Karim

*15 November 2014*

SALAH satu tempat yang menjadi satu persinggahan para pelancong ke daerah ini ialah Rumah Panjang yang menjadi tempat tinggal bagi masyarakat Iban. Rumah Panjang adalah rumah yang dibina sebaris bagi kediaman beberapa buah keluarga secara berasingan di bawah satu bumbung. Di daerah ini, salah sebuah rumah panjang yang seringkali menerima kunjungan pelancong ialah Rumah Panjang Kampung Tanjung Bungar, Mukim Batu Apoi.

Menurut Ketua Kampung Tanjung Bungar, Awang Janlita anak Mingan, rumah panjang di kampungnya itu merupakan antara rumah panjang yang paling lama wujud di Daerah Temburong. Rumah Panjang Kampung Tanjung Bungar katanya dibina pada tahun 1979, diperbuat daripada kayu dengan hanya 8 pintu (satu pintu bagi sebuah keluarga) memandangkan kawasan yang terhad. Tinggal di rumah panjang ujarnya mempunyai keistimewaan tersendiri antaranya keterdekatkan antara satu pintu dengan pintu yang lain memudahkan sesama penghuni rumah panjang untuk saling meminta bantuan bagi menjenguk keadaan rumah mereka ketika ketiadaan mereka berbanding tinggal di rumah persendirian. Ruang yang luas berhadapanan setiap pintu juga boleh digunakan bagi mengadakan acara suka duka termasuklah bagi aktiviti kemasyarakatan mahupun tempat untuk mengadakan acara seperti persembahan kebudayaan ketika menyambut kunjungan tetamu.

## **SEJARAH KAMPUNG**

Menyentuh mengenai sejarah Kampung Tanjung Bungar, Awang Janlita menjelaskan bahawa pada awalnya iaitu kira-kira pada tahun 1960-an, kampung tersebut bukanlah terletak di tempatnya ketika ini tapi sebaliknya terletak di kawasan tanjung tebing sungai Kampung Batu Apoi di mana kawasan tersebut terdapatnya bunga Bungar.

Memandangkan ketika itu belum diberikan kemudahan jalan raya serta sering dilanda banjir katanya maka para penduduk pun berpindah dan seterusnya membuat penempatan di kampung yang ada ketika ini iaitu kira-kira pada tahun 1980-an. Rumah panjang yang mereka diam di ketika ini ujarnya dibina pada tahun 1979. Selain tinggal di rumah panjang, penduduk di kampung tersebut juga tinggal di rumah persendirian dengan keramaian penduduk ketika ini iaitu seramai 242 orang dengan pegangan hidup yang berbeza-beza, ada yang berugama Islam, Kristian termasuklah penduduk yang masih berpegang teguh pada kepercayaan lama. Begitu juga dengan bangsa di mana pelbagai bangsa mendiami kampung berkenaan iaitu bangsa Dusun, Murut dan Iban. Kepelbagaiannya agama dan bangsa itu jelas Awang Janlita lagi tidak menjadi satu halangan kepada para penduduk kampung untuk hidup aman damai dan saling bantu membantu serta bergotong-royong dalam apa pun juga acara yang diadakan di kampung berkenaan yang sememangnya menjadi satu amalan sejak dahulu lagi.



*KAUM wanita masyarakat ini giat melaksanakan aktiviti kraf tangan.*

## KUNJUNGAN PELANCONG LUAR NEGARA

Rumah Panjang Kampung Tanjung Bungar seringkali menerima kunjungan pelancong dari dalam maupun luar negara dan akan mengalu-alukan kedatangan para pelancong dengan persembahan kebudayaan seperti tarian Ngajat iaitu tarian tradisi masyarakat Iban.

Menurut Awang Janlita, kampung berkenaan juga menyediakan pakej BND150 bagi pengunjung yang berhasrat untuk menyaksikan persembahan termasuklah menyaksikan pameran hasil kraf tangan para penduduk kampung. Antara pelancong yang pernah melawat ke Rumah Panjang Kampung Tanjung Bungar termasuklah dari Eropah, Jepun, Korea, China dan juga tidak ketinggalan dari negara anggota ASEAN. Di sebalik terdapatnya permintaan agar rumah panjang tersebut membuat konsep inap desa (home stay), namun Awang Janlita masih belum bersedia untuk mengadakannya memandangkan rumah panjang tersebut sudah agak berusia dan agak kecil.

## **KEKALKAN TRADISI**

Selaku Yang Di-Pertua Masyarakat Iban Daerah Temburong Awang Janlita begitu berharap agar tradisi dan budaya masyarakat Iban akan terus dikekalkan dan ujud di kalangan belia masyarakat Iban. Oleh itu, beliau mengambil langkah dengan mengadakan latihan bagi mengekalkan budaya masyarakat Iban iaitu latihan bermain gulingtangan dan tarian ngajat. Latihan-latihan tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan dari generasi muda masyarakat Iban di kampungnya. Sedari kecil, seawal usia 9 tahun lagi kanak-kanak masyarakat Iban di Kampung Tanjung Bungar sudah tahu bermain gulingtangan, iaitu alat muzik yang dimainkan bagi mengiringi tarian ngajat.

Selain itu masyarakat Iban dari Kampung Tanjung Bungar juga aktif dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak kerajaan yang memerlukan penyertaan masyarakat Iban contohnya seperti menyertai perbarisan semasa upacara Perhimpunan dan Perbarisan sempena sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Mereka juga giat melaksanakan aktiviti-aktiviti terutamanya sejak tertubuhnya Majlis Perundingan Kampung seperti gotong-royong membersihkan kawasan kampung dan aktiviti lain yang dianjurkan oleh Jabatan Daerah Temburong.

Di samping itu, penduduk di kampung berkenaan juga mengusahakan tenunan lama masyarakat Iban iaitu membuat pakaian tradisi masyarakat Iban termasuklah pakaian pengantin dan juga membuat manik serta kraf tangan seni anyaman yang dulunya diperbuat daripada rotan namun kini diperbaharui dengan anyaman daripada plastik. Kraf tangan tersebut merupakan salah satu perusahaan yang mereka hasilkan di bawah ‘Satu Kampung Satu Produk’ (1K1P). Awang Janlita berharap budaya dan tradisi masyarakat Iban di negara ini akan terus kekal sepanjang masa yang bukan hanya tinggal nama dan bangsa sahaja.



**KETUA Kampung Tanjung Bungar, Awang Janlita anak Mingan juga selaku Yang Di-Pertua Masyarakat Iban Daerah Temburong berharap budaya dan tradisi masyarakat Iban akan terus berkekalan.**



**TARIAN ngajat yang merupakan tarian tradisi masyarakat Iban dan sering dipersembahkan ketika menerima tetamu yang membuat lawatan ke rumah panjang.**

# Penduduk Kampung Masin terkenal ‘kegigihannya’

Oleh: Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md Noor, Rahimah Haji

Tamin, Nurul Syakirah Zaini

Foto: Md. Arif Morni

*29 November 2014*



***KETUA Kampung Masin, Awang Mohsin bin Haji Kamis.***

PROGRAM Sua Muka kali ini memaparkan Kampung Masin, Pengkalan Batu yang terletak di Daerah Brunei Muara yang menekankan hidup saling hormat-menghormati dan bekerjasama dalam kalangan mereka.

Lebih enam ribu orang penduduk yang tinggal di kampung tersebut yang ditadbir oleh seorang ketua iaitu Awang Mohsin bin Haji Kamis sejak tahun 1993 sehingga kini. Selain Kampung Masin, juga turut ditadbir ialah Kampung Bebatik.

Bila diajukan sejarah asal usul kampung ini melalui cerita lisan, beliau menceritakan pada zaman dahulu ditemui sebuah telaga yang terletak di atas bukit di Simpang 616, Jalan Kecil Masin.

Air daripada telaga tersebut, rasanya masin. Di situ juga kawasan orang zaman dahulu menanam padi. Jika difikirkan kembali adalah mustahil telaga tersebut berasa masin kerana ia terletak di atas bukit. Oleh sebab keunikan inilah, nama kampung ini dikenali sebagai Kampung Masin.



**MASJID Kampung Masin untuk kegunaan penduduk kampung.**





***SEBUAH sekolah rendah turut disediakan di kampung ini.***

Pada masa ini, tapak telaga tersebut telah tertimbus disebabkan pembinaan Sekolah Menengah Masin.

Semasa kunjungan program ini, ketua kampung berkenaan bersyukur atas kemudahan-kemudahan asas yang diberikan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti bekalan air, bekalan tenaga elektrik mahupun telefon dan jalan raya.

Sekolah Menengah Masin, Sekolah Rendah Masin, Sekolah Ugama Masin dan Masjid Kampung Masin merupakan antara kemudahan yang diberikan oleh kerajaan dan banyak membantu orang-orang kampung membangun dan memajukan diri mereka dari semasa ke semasa.

Program-program yang diungkayahkan di kampung ini termasuklah mengadakan jualan gerai bulan Ramadhan, Majlis sumbangan derma anak yatim, membersihkan kawasan tanah perkuburan, Makan Doa Arwah Setahun, Majlis Ibadah Korban, sambutan Hari Raya Aidilfitri, Sambutan Hari Keluarga, Walkaton Amal dan Pertandingan Kereta Tahan Lasak Pacuan Empat Roda (4WD).



***ROMBONGAN dari Jabatan Penerangan bergambar ramai bersama Ketua Kampung Masin.***

Penduduk kampung ini juga aktif mengikuti aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Hadrah, Dikir Syarafil Anam dan Dikir D'baie yang disertai oleh kaum wanita dan belia kampung ini di bawah kelolaan ahli takmir dan Muslimah masjid.

Di samping itu, ahli-ahli Persatuan 4WD aktif melibatkan diri dalam apa jua bentuk aktiviti berkebajikan yang diadakan di kampung tersebut antaranya, dalam satu kejadian kebakaran yang berlaku di kampung tersebut ahli jawatankuasa persatuan ini dengan ringan tulang mengumpulkan dana bagi meringankan beban mangsa kebakaran. Selain itu, persatuan ini juga aktif mengikuti acara-acara di dalam dan luar negeri seperti Program Jelajah Borneo.

Majlis Perundingan Kampung (MPK) mengungkayahkan perusahaan peladang kelompok sejak tahun 1994 dengan keluasan 42 hektar dan seramai 94 orang ahli yang dibekalkan benih tanaman daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Di kampung ini juga terletaknya tapak penternakan ayam (MZB), Ideal Multifeed Farm dan sayur-sayuran secara besar-besaran terletak di tapak bertumpu, Kampung Masin.

D  
i  
s  
e  
m  
b  
e  
r

# Kampung Bolkiah jadi ristaan

Oleh: Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md Noor dan Nurul Syakirah Zaini

Foto: Md Arif Morni

*13 Disember 2014*

KAMPUNG Bolkiah ‘A’ merupakan salah sebuah kampung di Daerah Brunei dan Muara. Pada mulanya, pada penghujung tahun 1995, kampung ini ditadbir oleh seorang ketua iaitu Awang Haji Ibrahim bin Pehin Dato Amar Setia Diraja Haji Kassim. Setelah beliau bersara, jawatan tersebut dijawat oleh Awang Shahminan bin Haji Matzin pada 16 Februari 2009.

Kampung ini merupakan Skim Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang telah ditubuhkan pada 5 Oktober 1992. Kampung Bolkiah ‘A’ ini terletak berdekatan Kampung Buang Sakar, Mukim Lumapas. Pada awal tahun 1980-an, kawasan ini belum ada penduduk, walau bagaimanapun pada tahun 1985 ada beberapa buah rumah telah mula didirikan hingga pada tahun 1994 terdapat sebanyak 48 buah rumah kesemuanya. Pada ketika itu, kampung ini yang dinamakan sebagai Kampung Buang Sakar (Air) di bawah pentadbiran Ketua Kampung Kasat, Mukim Lumapas.

Pada tahun 1993, bermulalah pembinaan Skim Perumahan YSHHB dan siap dibina pada tahun 1994. Perumahan ini diberikan keutamaan pada mangsa-mangsa kebakaran yang terdiri daripada Kampung Setia Pahlawan, Kampung Peramu, Kampung Saba, Kampung Petagian, Kampung Kota Batu dan Kampung Sungai Matan.

Kampung ini mula didiami pada 15 Julai 1994 dan diresmikan pada 22 Ogos 1994 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertempat di Sekolah Menengah Sayyidina Omar Al-Khattab. Selain daripada itu, penduduk kampung asal di kampung tersebut sebanyak 48 buah rumah telah dipindahkan ke Skim Perumahan ini dan rumah-rumah mereka telah diganti rugi oleh pihak YSHHB dengan bayaran yang berpatutan.

Kampung ini terletak antara kawasan Sungai Brunei menuju ke Daerah Temburong dengan perjalanan lebih kurang 7 kilometer dari Bandar Seri Begawan menggunakan perahu tambang dan 45 kilometer dari Bandar Seri Begawan menggunakan jalan darat. Kampung ini mempunyai keluasan 3.75sq km. Kampung Bolkiah ‘A’ ini mempunyai 226 buah rumah, dengan penduduk keramaian lebih kurang 1500 orang.



**BENGKEL Tenunan yang terdapat di Kampung Bolkiah ‘A’.**

Selain daripada itu, beberapa buah rumah telah digunakan sebagai cawangan pejabat Yayasan untuk kegunaan Bengkel Tenunan, cawangan pos polis dan surau (pada masa ini digunakan sebagai tempat Kelas Dewasa Wanita). Di samping itu juga, terdapat beberapa kemudahan awam disediakan seperti jalan raya, klinik, bekalan elektrik, air serta talian telefon. Kampung ini juga dilengkapi dengan alat saluran najis yang menuju ke daratan.

Malahan sampah-sarap juga dikutip setiap hari dengan menggunakan perahu yang disediakan oleh JASTRe bagi mengekalkan kebersihan di kampung tersebut.



**KETUA Kampung Bolkiah 'A', Awang Shahminan bin Haji Matzin ketika ditemui pada Program Sua Muka anjuran Jabatan Penerangan.**

Kebanyakan penduduk kampung ini bekerja dengan pihak kerajaan dan hanya sebilangan kecil sahaja bekerja di pihak swasta dan bekerja sendiri seperti bermiaga, menjual ikan, menambang dan sebagainya. Penduduk kampung ini juga menerima bantuan kerajaan.

Bantuan-bantuan berkenaan seperti:

- Penerima pencen tua : 72 orang
- Bantuan Kebajikan : 48 orang
- Elaun Orang Kurang Upaya (cacat) : 5 orang
- Anak Yatim : 10 orang



*RUMAH Bengkel Tenunan yang terletak di Kampung Bolkiah 'A'.*



*SEBUAH jambatan yang konkrit dibina sebagai penghubung penduduk Kampung Bolkiah 'A' dan 'B'.*

Antara aktiviti yang diungkayahkan di kampung ini ialah Kelas Muqaddam bagi wanita dewasa, majlis tahlil dan doa arwah. Malah penduduk kampung ini juga giat mengadakan beberapa pertandingan-pertandingan antaranya perlawanan futsal, bola sepak, bina badan dan sebagainya. Selain daripada itu, penduduk kampung ini, terutamanya dalam kalangan wanita-wanitanya giat membuat keropok udang dan kuih sapit dengan bantuan peralatan yang disedikan oleh YSHHB. Kelas penenunan juga diadakan selama 3 tahun. Kelas ini adalah inisiatif YSHHB untuk membantu ekonomi penduduk di kampung tersebut.



*ANTARA kemudahan yang terdapat di kampung ini ialah Pos Polis Kampung Bolkiah ‘A’.*

Antara pencapaian yang telah dicapai ialah pada tahun 2009, Kampung Bolkiah ‘A’ telah dinobatkan sebagai kampung yang paling bersih.

# Mengenali Kampung Wasan

Rencana dan Foto: Norliah Md. Zain

*27 Disember 2014*



*AWANG Mat Noor bin Ma'arof merupakan Ketua Kampung ketiga bagi kampung ini.*

PELUANG menjak kaki ke Kampung Wasan yang sinonim dengan kawasan pertanian ini tidak dilepaskan penulis. Kawasannya yang jauh dari kesibukan bandar ini sememangnya aman tenang dan damai.

Kampung yang terdampar dengan sawah padi yang luas ini diketuai oleh Awang Mat Noor bin Ma'arof, merupakan Ketua Kampung ketiga bagi kampung ini. Sebanyak dua kawasan tадahan yang termasuk untuk ditadbir oleh ketua kampung ini iaitu Kampung Wasan dan Batang Perhentian.

Kampung Wasan mempunyai keluasan 939.76 hektar, manakala Batang Perhentian 124.85 hektar yang keseluruhannya menjadikan 1064.61 hektar yang ditadbir oleh ketua kampung ini.



***JALAN masuk ke Sekolah Vokasional Wasan.***

Kampung ini dihuni oleh 655 penduduk yang terdiri daripada 316 lelaki dan 339 perempuan. Kebanyakan penduduk di kampung ini berkhidmat dengan kerajaan, di samping kebanyakannya berpadi dan berkebun sendiri.

Sebanyak 86 buah rumah yang terdapat di kampung ini dan kebanyakan terdiri daripada puak Kedayan. Seramai 38 orang warga emas yang terdapat di kampung ini.

Walaupun kedudukan kampung ini jauh dari kawasan bandar, namun kampung ini tidak terlepas daripada menerima kemudahan-kemudahan asas seperitima yang dinikmati di kampung-kampung lain.

## **ASAL NAMA**

Menurut Awang Mat Noor, nama Kampung Wasan adalah berasal daripada sebuah bukit yang dinamakan Bukit Wasan yang dijadikan tempat perhentian sebelum meneruskan perjalanan. Sementara Batang Perhentian pula, berasal dari sebatang kayu yang besar sebagai tanda tempat orang berhenti sebelum meneruskan perjalanan.



**ABDUL Hamid Haji Abdul Rahman ketika ditemui oleh pewarta PELITA BRUNEI.**



**KAWASAN sawah padi yang terdapat di Kampung Wasan.**

## **BERPADI**

Sesuai dengan keadaan geografi dan struktur tanahnya, Wasan merupakan tempat yang diusahakan oleh pihak kerajaan untuk berpadi. Menurut ketua kampung tersebut, sebahagian penduduk yang berpadi akan menjual hasil padi mereka ke pihak kerajaan dengan harga \$1.60 satu kilogram. Antara padi-padi yang ditanam ialah Padi Laila, pusu, bario dan adan.

Di kampung ini juga terdapat seorang penduduk kampung iaitu Abdul Hamid Haji Abdul Rahman yang memiliki sebuah mesin pengisar padi. Menurutnya, bukan sahaja peladang dari Kampung Wasan yang mengupahnya untuk mengisar padi, malahan juga peladang-peladang dari Daerah Tutong. Beliau mengambil upah sebanyak \$3 satu kontena. Beliau mengisar padi setiap hari, di mana lazimnya beliau akan mengisar sebaik sahaja menerima tempahan.

Menurutnya mesin yang beliau miliki sekarang ini dibeli dari negara jiran yang mana mesin ini dapat menyiapkan tempatan berbelasan guni dalam masa satu jam. Pendapatan dari usaha ini diperolehi sekitar BND1000 setiap bulan.

Di samping berpadi, beberapa penduduk kampung ini juga memiliki tanah yang diusahakan untuk berkebun sendiri dengan bertanam buah-buahan tempatan.



*MESIN pengisar padi milik Abdul Hamid Haji Abdul Rahman.*



*ANTARA kawasan tanah perkebunan di Kampung Wasan.*

## BASUH KAKI

Menurut Ketua Kampung Wasan, antara adat yang masih diamalkan di kampung ini ialah Adat Berbasuh Kaki. Menurut beliau, kebanyakan penduduk di kampung ini mempunyai pertalian saudara dengan penduduk Daerah Tutong, maka dengan sebab inilah Adat Berbasuh Kaki ini juga dipakai di kampung ini. Adat ini akan dipakai jika ada persetujuan kedua belah pihak keluarga pengantin.

## PENUTUP

Dengan adanya usaha pihak kerajaan untuk penanaman padi di kawasan kampung ini, sedikit sebanyak ia dapat membantu penduduk kampung untuk menjana pendapatan. Keadaan sawah padi yang luas membuatkan kampung ini dapat mengekalkan kehijauannya dengan suasana yang tenang dan damai.



*RUMAH inap desa yang terdapat di kampung ini.*